



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERKEMBANGAN PENULISAN SEJARAH DAERAH LARUT DARI TAHUN 1878 SEHINGGA 2021

SHARAN SYAHMI BIN SHARIF



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2026



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PERKEMBANGAN PENULISAN SEJARAH DAERAH LARUT DARI TAHUN 1878 SEHINGGA 2021

SHARAN SYAHMI BIN SHARIF

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA

(MOD PENYELIDIKAN)



FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2026



UPS/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اينيسر ايدريس

AL-IMAM MUHAMMAD AL-FAKIH

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 27 Februari 2026

i. Perakuan pelajar :

Saya, **Sharan Syahmi Bin Sharif, M20221001787, Fakulti Sains Kemanusiaan** (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **Perkembangan Penulisan Sejarah Daerah Larut dari tahun 1878 sehingga 2021.**

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **Siti Zahrah binti Mahfood** (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **Perkembangan Penulisan Sejarah Daerah Larut dari tahun 1878 sehingga 2021.**

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **Ijazah Sarjana Sastera (Sejarah)** (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

27 Februari 2026

Tarikh

Tandatangan Penyelia





INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORMTajuk / Title: Perkembangan Penulisan Sejarah Daerah Larut dari tahun 1878Sehingga 2021No. Matrik /
Matric's No.: M20221001787Saya / I am: SHARAN SYAHMI BIN SHARIF

(Nama Pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana) ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut: -
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik Universiti Pendidikan Sultan Idris.
The Thesis/Dissertation/Project Paper is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan rujukan dan pendidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and education.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The library has the right to make copies of the thesis/Dissertation/Project Paper for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below: -

☒	AKSES TERBUKA OPEN ACCESS	Saya bersetuju bahawa Tesis/Disertasi/Kertas Projek boleh diterbitkan sebagai salinan fizikal atau akses terbuka dalam talian. I agree that the Thesis/Dissertation/Project Paper may be published as a physical copy or open access online.
☐	*TERHAD *LIMITED	Mengandungi maklumat terhad seperti yang dinyatakan oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan dijalankan (Perpustakaan akan menyekat akses sehingga _____ tahun). Contains restricted information as specified by the organization/institution where the research was conducted (Library will restrict access until _____ years).
☐	*SULIT *CONFIDENTIAL	Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. Contains confidential information under the Official Secrets Act 1972.
☐	EMBARGO	Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini tertakluk kepada tempoh embargo selama 2 tahun atas sebab-sebab berikut: This Thesis/Dissertation/Project Paper is subject to an embargo period of 2 years for the following reasons:

Nota / Notes:

- i. Jika tiada pilihan yang ditandai, pilihan pertama akan dilaksanakan secara automatik.
If no option is marked, the first option will be automatically implemented.
- ii. Jika Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini dikategorikan sebagai **SULIT** atau **TERHAD**, sila lampirkan surat dari pihak berkuasa/organisasi yang berkaitan dengan menyatakan alasan dan tempoh tesis ini perlu diklasifikasikan sebagai **TERHAD** atau **SULIT**. / If the Thesis/Dissertation/Project Paper is categorized as **CONFIDENTIAL** or **LIMITED**, kindly attach a letter from the relevant authority/organization stating the reason and duration for the thesis should be classified as **LIMITED** or **CONFIDENTIAL**.

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia/ Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh/Date: 27 Februari 2026

Tarikh/Date:

DR. SITI ZAHRAH BINTI MAHFOOD
Pensyarah Kanan
Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemasyarakatan
Universiti Pendidikan Sultan Idris





PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan Taufik dan InayahNya disertasi ini dapat diselesaikan. Sesungguhnya tanpa bantuan, petunjuk dan keizinanNya, pasti segala halangan dan cabaran di dalam menghasilkan penulisan ini tidak dapat untuk dihadapi. Penghasilan penulisan ini bukanlah suatu perkara yang mudah dan memerlukan bantuan, sokongan dan dorongan daripada pelbagai pihak secara langsung dan tidak langsung. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Dr. Siti Zahrah Binti Mahfood selaku penyelia yang sudi meluangkan masa beliau bagi melakukan seliaan pada peringkat awal sehinggalah penulisan ini dapat diselesaikan. Saya juga amat bersyukur di atas peluang yang diberikan oleh beliau sebagai Pembantu Penyelidik melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FGRS) (FGRS/1/2022/SS108/UPSI/02/23) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. Ucapan penghargaan dan terima kasih turut dirakamkan kepada pihak Arkib Negara Malaysia cawangan Kuala Lumpur di atas segala bantuan yang telah diberikan bagi memudahkan urusan penyelidikan ini merangkumi panduan dan perkhidmatan berhubung dengan bahan rujukan. Tidak lupa juga, kesemua kakitangan Perpustakaan Universiti Tuanku Bainun Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Utama dan Perpustakaan Za'Ba Universiti Malaya, Perpustakaan Taiping dan Perpustakaan Muzium Taiping yang memberikan panduan dalam menggunakan perkhidmatan yang disediakan dalam institusi tersebut. Jutaan terima kasih turut saya sampaikan kepada ahli keluarga tercinta yang sentiasa memberikan dorongan dan sokongan sepanjang tempoh pengajian saya di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Akhir kata, saya merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam proses penghasilan kajian ini. Semoga melalui kajian ini sedikit sebanyak dapat memberikan sumbangan kepada perkembangan disiplin ilmu sejarah Malaysia.





ABSTRAK

Penulisan sejarah daerah Larut bermula sejak beberapa tahun selepas pertapakan rasmi British di Perak melalui termeterainya Perjanjian Pangkor 1874, yang menandakan sebuah episod baharu dalam sejarah Malaysia. Seiring dengan peredaran masa, penulisan sejarah mengenai daerah ini terus berkembang sehingga ke era kontemporari dengan skop kajian yang semakin pelbagai. Namun begitu, isu utama yang diketengahkan dalam kajian ini ialah perkembangan penulisan sejarah daerah Larut yang tidak diperincikan secara mendalam berbanding penulisan sejarah Malaysia secara umum. Oleh itu, objektif kajian ini adalah meneliti perkembangan penulisan sejarah daerah Larut secara lebih mendalam, khususnya dari aspek perincian penulisannya, perbandingan tema, analisis penggunaan sumber, serta penilaian tafsiran. Data kajian diperoleh melalui kaedah kualitatif sejarah, manakala analisis bandingan dan analisis tekstual digunakan dalam penulisan dapatan kajian. Sumber rujukan diperolehi daripada Arkib Negara, perpustakaan UPSI, UM, Taiping, serta sumber atas talian. Kajian ini mendapati bahawa penulisan sejarah daerah Larut telah mengalami perkembangan menyeluruh dari segi penghasilan karya sejak 1878 hingga 2021, meliputi tema kajian, penggunaan bahan rujukan, dan pentafsiran yang dikemukakan. Walaupun prosesnya agak perlahan, perkembangan ini tetap bersifat positif. Justeru, kajian ini memberikan implikasi penting dalam korpus ilmu sejarah, khususnya dalam bidang historiografi yang menekankan kajian yang mengambil skala yang lebih kecil.





THE PROGRESS OF LARUT'S HISTORIOGRAPHY FROM 1878 UNTIL 2021

ABSTRACT

The historiography of Larut began several years after the formal establishment of British rule in Perak, marked by the signing of the Pangkor Treaty in 1874, which signified a new episode in Malaysian history. Since then, the historiography of this district has continued to evolve into the contemporary era with an increasingly diverse scope of research. Nevertheless, the main issue highlighted in this study is that the historiography of Larut has not been examined in as much detail as Malaysian historiography more broadly. Therefore, the objective of this study is to investigate the progress of Larut's historiography in greater depth, particularly in terms of its structural elaboration, thematic comparisons, source analysis, and interpretative evaluation. The data for this study were collected using historical qualitative methods, while comparative and textual analyses were applied in presenting the findings. References were drawn from the National Archives, as well as the libraries of UPSI, UM, Taiping, as well as online sources. This study finds that Larut's historiography has undergone significant progress from 1878 to 2021, encompassing research themes, the use of sources, and the interpretative approaches. Although the process has been relatively slow, the progress remains positive. Thus, this study offers significant contributions to the corpus of historical scholarship, particularly in the field of historiography that emphasizes research on a smaller scale.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

ISI KANDUNGAN vii

SENARAI SINGKATAN xi

BAB 1 PENGENALAN

1.0. Pendahuluan 1

1.1. Latar belakang Kajian 2

1.2. Permasalahan Kajian 13

1.3. Objektif Kajian 15

1.4. Tinjauan Literatur 16

1.5. Kepentingan Kajian 30

1.6. Skop kajian 32

1.7. Metodologi Kajian 35





1.8. Pembahagian Bab	39
1.9. Definisi Operasional	43
1.9.1. Empirikal dan Empirisis	44
1.9.2. Objektivis	45
1.9.3. Positivis	46
1.9.4. <i>Annales</i>	48
1.9.5. <i>Reconstructionist</i>	49
1.9.6. <i>Constructionist</i>	49
1.9.7. <i>Pasca-moden</i>	50
1.9.8. <i>Pasca-kolonial</i>	51
1.10. Kesimpulan	52

BAB 2 PERKEMBANGAN PENULISAN SEJARAH DAERAH LARUT



2.0. Pendahuluan	53
2.1. Takrifan Sejarah dan Pensejarahan	54
2.2. Fasa Perkembangan Sejarah Malaysia	66
2.3. Perkembangan Penulisan Sejarah Malaysia	72
2.4. Perkembangan Penulisan Sejarah Perak	75
2.5. Penulisan Sejarah Daerah Larut	80
2.6. Perkembangan Penulisan Sejarah Daerah Larut	83
2.7. Rumusan	102

BAB 3 PEMILIHAN TEMA DALAM HISTORIOGRAFI DAERAH LARUT

3.0. Pendahuluan	104
3.1. Tema Dalam Historiografi	105



3.2.	Tema Dalam Historiografi Daerah Larut	113
3.2.1.	Tema Politik	114
3.2.1.1.	Kolonialisme British	117
3.2.1.2.	Biografi dan Tokoh	130
3.2.1.3.	Ketenteraan	138
3.2.2.	Tema Sosioekonomi	143
3.3.	Rumusan	152

BAB 4 PENGGUNAAN SUMBER DALAM PENULISAN SEJARAH DAERAH LARUT

4.0.	Pendahuluan	154
4.1.	Sumber Sejarah	156
4.2.	Jenis-Jenis Sumber Sejarah	162
4.3.	Sumber Dalam Penulisan Sejarah Daerah Larut	169
4.3.1.	Sumber Penulisan Pegawai British	170
4.3.2.	Rekod Rasmi Kerajaan	175
4.3.3.	Akhbar	202
4.3.4.	Manuskrip dan Teks Klasik	207
4.3.5.	Sumber Sekunder	211
4.3.6.	Sumber Lisan	225
4.4.	Rumusan	232

BAB 5 ANALISIS PENTAFSIRAN HISTORIOGRAFI DAERAH LARUT

5.0.	Pendahuluan	234
5.1.	Tafsiran Sejarah dan Kepentingannya	236
5.2.	Tafsiran Penulisan Sejarah Daerah Larut	244

5.3.	Pentafsiran Pegawai British	246
5.3.1.	Eurosentrisk	249
5.3.2.	Stereotaip Kolonial	261
5.3.3.	<i>White's Man Burden</i> dan Misi Pentamadunan	266
5.3.4.	Matlamat Kolonialisme British	278
5.4.	Pentafsiran Sarjana Barat	281
5.4.1.	Keobjektifan Sejarah	282
5.5.	Pentafsiran Sarjana Tempatan	294
5.5.1.	Malaysia Sentrik	295
5.5.2.	Sejarah Dari Bawah	310
5.5.3.	Matlamat <i>Total History</i>	316
5.6.	Rumusan	321
BAB 6 KESIMPULAN		323
RUJUKAN		335

**SENARAI SINGKATAN**

C.O	Colonial Office
Col. Sec.	Colonial Secretary
F. M. S	Federated Malay States
FBPS	First Battallion Perak Sikh
JMBRAS	Journal of the Malayan/Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society
MSG	Malay States Guide
NNMB	Negeri-Negeri Melayu Bersekutu
NNMTB	Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu
NNS	Negeri-Negeri Selat
PAP	Perak Armed Police
PGG	Penang Government Gazette
PLCSS	Proceedings of the Legislative Council of the Straits Settlements
S.S	Straits Settlement
SSGG	Straits Settlement Governement Gazette
SSR	Straits Settlement Record
VOC	Syarikat Hindia Timur Belanda (Vereenigde Oostindische Compagnie)
W.O	War Office





BAB 1

PENDAHULUAN



1.0 Pengenalan

Kajian ini mengetengahkan perbincangan berkenaan dengan penulisan sejarah daerah Larut berdasarkan karya yang telah dihasilkan sejak tahun 1878 sehingga tahun 2021. Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk melakukan analisis terhadap perkembangan penulisan yang telah dihasilkan oleh pengkaji terdahulu bagi memerihalkan perkembangan penulisan sejarah daerah Larut. Hal ini bertitik tolak daripada penelitian awal yang mendapati bahawa penulisan sejarah daerah Larut telah dilakukan beberapa tahun selepas termeterainya Perjanjian Pangkor 1874. Secara umumnya, karya penulisan sejarah daerah Larut yang dapat dikenal pasti telah dihasilkan oleh tiga kelompok utama iaitu para pegawai British, sarjana Barat dan sarjana tempatan. Isu utama yang dikenalpasti telah



timbul dalam historiografi daerah Larut ini adalah dari segi perkembangannya yang kurang jelas dan memerlukan analisis yang terperinci bagi menilai sejauhmana karya penulisan sejarah daerah ini menonjolkan ciri keunikan pada setiap fasa berdasarkan kepada karya ketiga-tiga kelompok penulis. Oleh itu, kajian terhadap perkembangan penulisan sejarah daerah Larut dianggap sebagai perkara yang penting untuk dilakukan dengan meneliti beberapa aspek utama, iaitu berkenaan dengan perkembangannya secara umum, pemilihan tema sebagai fokus kajian, penggunaan sumber dan pentafsiran yang diketengahkan dalam karya kelompok penulis sejarah daerah ini. Bagi melakukan perkara tersebut, karya penulisan sejarah yang berkisarkan daerah Larut dijadikan sebagai sumber rujukan utama dan sumber yang lazimnya digunakan di dalam bidang sejarah turut dirujuk bagi mengukuhkan lagi pemahaman di dalam kajian ini. Sehubungan itu, kajian ini secara langsung dapat memperkayakan lagi hasil penulisan akademik yang memberikan tumpuan kepada disiplin ilmu sejarah, khususnya bidang historiografi daerah Larut, serta memperluas pemahaman terhadap historiografi Malaysia dalam skop yang lebih mendalam.

1.1. Latar Belakang Kajian

Daerah Larut, yang merupakan sebahagian daripada negeri Perak dengan keluasan kawasan sekitar 70 batu panjang dan antara 20 hingga 50 batu lebarnya adalah terletak di antara latitud empat hingga lima darjah utara dan longitud 100 hingga 101 darjah timur.¹

¹ Khoo Kay Kim, "Taiping (Larut): The Early History of a Mining Settlement," *JMBRAS* 64, no. 1 (1991): hlm. 1.



Dari segi geografi, daerah ini bersempadan dengan daerah Kerian di barat laut, Hulu Perak di timur laut, Kuala Kangsar di timur dan daerah Manjung di selatan.² Kawasan ini juga bersempadan dengan Sungai Kurau di utara, Sungai Beruas di selatan, Gunung Bulu di timur dan Laut Malaya (Selat Melaka) di sebelah barat.³ Sebelum dikenal pasti sebagai kawasan perlombongan, daerah Larut merupakan sebuah hutan belantara yang menjadi kawasan persembunyian para penyamun.⁴ Situasi di kawasan tersebut perlahan-lahan berubah selepas penemuan mineral bijih timah oleh Long Jaafar sekitar tahun 1840-an di kawasan Kelian Pauh.⁵ Penemuan mineral tersebut dikatakan terletak di kawasan Penjara Taiping pada hari ini.⁶ Seiring dengan perkembangan waktu menunjukkan bahawa industri tersebut tidak hanya memberi kesan besar kepada daerah Larut, malah turut memberikan pengaruh yang signifikan di dalam naratif sejarah Malaysia.



Keadaan daerah Larut pada tahun 1860-an sebagai sebuah pusat perlombongan yang berkembang telah berubah menjadi sebuah medan pertempuran antara buruh Cina yang menjalankan kegiatan perlombongan di daerah tersebut. Hal ini ditunjukkan dengan tercetusnya beberapa siri peperangan yang melibatkan dua buah kongsi gelap Cina iaitu kelompok Ghee Han dan Hai San.⁷ Keadaan menjadi semakin buruk dengan berlakunya

² Abdullah Abdul Hamid, *Ngah Ibrahim: Jutawan Melayu Abad ke-19* (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2020), hlm. 25.

³ Ibid., hlm. 23.

⁴ Khoo Kay Kim, *Negeri-Negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873* (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1984), hlm. 73.

⁵ Mohd Zamri A. Malek, *Larut Daerah Terkaya* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001), hlm. 29.

⁶ Federal Department of Town and Country Planning Peninsular Malaysia, *Taiping Life and Soul* (Malaysia: Federal Department of Town and Country Planning, 2005), hlm. 19.

⁷ Buyong Adil menyatakan terdapat tiga siri Perang iaitu pada tahun Perang Larut I (1861-1862), Perang Larut II (1865), Perang Larut III (1871-1874) manakala menurut Alex Teoh Eng Kean ianya terdiri dari empat siri iaitu Perang Larut I (1861), Perang Larut II (1865), Perang Larut III (1872) dan Perang Larut IV (1873). Lihat Buyong Adil, *Sejarah Perak* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2021), hlm. 71; Alex Teoh Eng Kean, *Old Taiping* (Taiping: Alex Teoh Eng Kean, 2004), hlm. 7.





konflik yang melibatkan perebutan takhta antara pemerintah negeri Perak.⁸ Kemuncak daripada kekacauan ini memperlihatkan termeterainya Perjanjian Pangkor 1874 pada 20 Januari 1874 di atas Kapal Pluto setelah beberapa siri rundingan yang berlangsung pada 17 dan 19 Januari.⁹ Perjanjian ini mengandungi dua bahagian yang berasingan, dengan tujuan untuk menyelesaikan pertikaian takhta di negeri Perak melalui rundingan bersama para pembesar negeri tersebut dan rundingan lain dilakukan bersama dengan ketua-ketua kumpulan kongsi gelap Cina bagi mengakhiri konflik antara kumpulan tersebut.¹⁰ Berdasarkan perjanjian yang termeterai tersebut dapat dilihat bermulanya penguasaan daerah Larut secara rasmi sekali gus menyebabkan seluruh Perak berada di bawah penguasaan British dengan sistem Residen.¹¹ Jawatan Residen yang menempatkan pegawai British yang berkuasa menasihati pemerintah dalam segala hal ehwal negeri Perak kecuali agama telah diisi oleh J. W. W. Birch yang kemudiannya terbunuh pada tahun 1875 telah membawa kepada ekspedisi ketenteraan British.¹² Namun demikian, implikasi daripada perjanjian tersebut juga menjadi titik tolak kepada penjajahan seluruh Tanah Melayu oleh pihak kolonial pada tahun-tahun berikutnya.¹³ Hal ini dapat diperlihatkan dengan perjanjian yang termeterai pada tahun 1895 dengan tujuan menyatukan keempat-empat

⁸ Abdillah Noh, *Malaysia's State Formation: A Small Steps and Large Outcomes of a Contested Leviathan* (New York: Routledge, 2024), hlm. 34.

⁹ Nurlisa Sarah Mohammad Azmi, "Peranan British Dalam Pembangunan Ekonomi dan Sosial di Jajahan Dinding," *Sejarah: Journal of History Department University of Malaya* 2, no. 28 (2019): hlm. 3;

¹⁰ Khoo Kay Kim, "Taiping (Larut): The Early History of a Mining Settlement," hlm. 13; Buyong Adil, *Sejarah Perak*, hlm. 71; Alex Teoh Eng Kean, *Old Taiping*, hlm. 7.

¹¹ Leon Comber, "Chinese Secret Societies in Malaya: an Introduction," *JMBRAS* 29, no. 1 (1956): hlm. 153.

¹² *Malayan Union Annual Report 1st April- 31st December 1946* (2006/0053418), Arkib Negara Malaysia Cawangan Kuala Lumpur.

¹³ Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia* (Hampshire: Palgrave, 2001), hlm. 160.





negeri Melayu di bawah satu persekutuan yang disebutkan sebagai Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB).¹⁴

Legasi yang jelas ditinggalkan oleh pihak kolonial ini secara umumnya dapat diperlihatkan di dalam karya sejarah negara ini, manakala secara spesifik dapat dilihat dalam penulisan sejarah daerah Larut. Malangnya, kebanyakan penulisan sejarah daerah Larut kerap menengahkan tumpuan dari kacamata ekonomi dan perluasan kuasa British sahaja. Dengan kata lain, daerah Larut lebih banyak diperihalkan sebagai daerah yang kaya dengan sumber bijih timah dan penglibatan British ditonjolkan sebagai pihak yang menyelesaikan insiden kekacauan yang timbul akibat peristiwa Perang Larut dan perebutan takhta pada penghujung kurun ke-19. Setelah siri insiden ini berakhir maka episod berikutnya yang menjadi tumpuan adalah insiden pembunuhan Birch yang bertempat di Pasir Salak. Tidak dapat dinafikan bahawa wujudnya beberapa penulisan yang memfokuskan kepada perkaitan antara peristiwa pembunuhan Birch pada 1875 sebagai implikasi daripada Perjanjian Pangkor 1874.¹⁵ Namun demikian, jelas bahawa tumpuan penulisan sejarah daerah Larut ini adalah lebih banyak terarah kepada perbincangan berkenaan perluasan kuasa British. Berhubung dengan perkara tersebut, kebanyakan karya yang wujud dalam tempoh kolonial ini merupakan hasil penulisan daripada para pegawai British yang umumnya berkhidmat di Tanah Melayu atau lebih khusus di daerah Larut. Perkara ini dapat diperlihatkan di dalam karya McNair *Perak and the Malays* (1878) yang

¹⁴ "Chief Secretary's Annual Report 1921," dalam *Supplement to the F.M.S. Government Gazette* (Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Printing Office, 1922).

¹⁵ Lihat P. L. Burns, "Annexation in the Malay States: The Jervois Papers," *JMBRAS* 72, no. 1 (1999): hlm. 1-93; Abdullah Zakaria Bin Ghazali, "Surat Kuasa Sultan Abdullah dan Kenyataan Syed Masahor: Dokumen Melayu Tentang Pembunuhan J. W. W. Birch," dalam *Kesultanan Melayu Perak* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2019), hlm. 158-182





sarat dengan perbincangan mengenai daerah Larut, namun lebih memberikan tumpuan terhadap kepentingan ekonomi bijih timah dan pembangunan daerah tersebut semasa era kolonial British. Selain itu, karya tersebut turut membincangkan berkenaan keadaan politik daerah Larut sebelum kedatangan British, peristiwa Perang Larut dan pembunuhan Birch namun perbincangan yang ditekankan masih tidak dapat diasingkan daripada industri perlombongan mineral tersebut.¹⁶ Tambahan pula, Frank Swettenham memerihalkan daerah Larut dalam karyanya yang bertajuk *British Malaya*, hanya dengan memfokuskan kepada peristiwa penting yang melibatkan pentadbiran pihak British berserta kepentingan kuasa jajahan tersebut sahaja.¹⁷ Terdapat perbincangan mengenai masyarakat tempatan di dalam penulisan kelompok pegawai kolonial ini, namun fokus yang diberikan lebih tertumpu kepada naratif kepemimpinan Melayu sahaja dan bukannya memerihalkan mengenai keadaan masyarakat di daerah tersebut secara terperinci. Sebaliknya keadaan masyarakat yang dipaparkan di daerah tersebut dilihat bertujuan untuk menunjukkan kelemahan institusi tempatan sebagai justifikasi kepada campur tangan British. Begitu juga dengan penulisan pegawai British yang dihasilkan selepas itu, terutamanya karya R. J. Wilkinson dan R. O. Windstedt sehinggalah Wray.¹⁸ Dalam memperincikan penulisan sejarah daerah Larut, kekacauan yang berlaku di kawasan daerah Larut sekitar 1870-an menjadi isu utama yang diketengahkan dalam memerihalkan campur tangan British di Perak sehinggalah tahun 2021.¹⁹ Peristiwa kekacauan yang telah membawa kepada insiden

¹⁶ Fred McNair, *Perak and The Malays: Sarong and Kris* (London: Tinsley Brother, 1878).

¹⁷ Frank Swettenham, *British Malaya: An Account of the Origin and Progress of British Influence in Malaya* (London: John Lane the Bodley Head, 1906).

¹⁸ Lihat R. O. Windstedt dan R. J. Wilkinson, "A History of Perak," *JMBRAS* 23, no. 1 (1934): v-x, 1-180; R. J. Wilkinson, *A History of the Peninsular Malays with Chapters on Perak & Selangor* (Singapore: Kelly & Walsh Limited, 1923); R. O. Windstedt, *Malaya and Its History* (London: Hutchinson University Library, 1969); R. O. Windstedt, "A History of Malaya," *JMBRAS* 13, no. 1 (1935): iii-270.

¹⁹ Leonard Wray Jun, "An Account of Affairs in Larut Leading to British Intervention," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 94 (2021): 197-202.



pembunuhan J. W. W. Birch, yang akhirnya membuka ruang kepada perluasan kuasa kolonial British dan pembentukan NNMB. Dapat dilihat dengan jelas bahawa penulisan para pegawai yang menyentuh daerah ini hanya memberikan pandangan yang tertumpu kepada isu politik (perebutan takhta), ekonomi (perlombongan bijih timah) dan situasi anarki atau kekacauan (Perang Larut). Secara ringkasnya, karya yang berlatar belakangkan penulis pegawai British adalah lebih cenderung untuk menghasilkan penulisan yang lebih terarah kepada aspek yang menonjolkan penglibatan pihak kolonial sahaja.²⁰ Dengan kata lain, kajian mengenai daerah ini tidak merangkumi aspek yang menyeluruh kerana kerap mengabaikan aspek lain seperti aspek sosial, kebudayaan dan ekonomi selain daripada industri bijih timah. Hal ini demikian kerana, kebanyakan penulisan yang membincangkan aspek ekonomi di daerah Larut hanya menonjolkan kegiatan bijih timah tanpa menekankan sektor ekonomi lain yang turut menyumbang kepada pembangunan negeri Perak. Maka dengan itu, jelaslah bahawa legasi yang diperlihatkan di dalam historiografi daerah Larut oleh pegawai kolonial British ini lebih banyak menumpukan penulisan kepada aspek kepentingan pihak mereka sahaja.

Sehubungan itu, perkembangan historiografi negara yang semakin menuju ke arah penulisan yang menekankan perbincangan yang lebih menyeluruh dan kajian yang bersifat objektif di Tanah Melayu secara langsung telah mendorong kepada peralihan bentuk penulisan sejarah daerah Larut. Hal ini demikian kerana, fasa peralihan ini didorong dengan berlakunya perkembangan daripada gagasan idea dalam disiplin ilmu sejarah yang telah berkembang sejak tempoh pasca-Perang Dunia Kedua. Gagasan idea yang dipelopori

²⁰ Khoo Kay Kim, "Recent Malaysian Historiography," *Journal of Southeast Asian Studies* 10, no. 2 (1979): hlm. 247.



oleh kelompok aliran *Annales* ini menekankan pendekatan sejarah dari bawah, sejarah *autonomous*, serta pendekatan *inter-discipline* yang menggalakkan interaksi antara pelbagai disiplin ilmu.²¹ Walaupun gagasan ini diterima agak lewat dalam kalangan sarjana tempatan, namun idea tersebut tetap berjaya diadaptasikan oleh mereka untuk menghasilkan karya historiografi daripada perspektif tempatan.²² Perkembangan tersebut mengambil tempat sekitar 1950-an sehingga 1960-an yang memperlihatkan perdebatan dalam kalangan ahli sejarah berkaitan isu yang menyentuh topik kaedah sejarah dalam penghasilan karya sejarah tempatan seperti isu sentrik, bias dan sejarah autonomi. Menariknya, dalam tempoh ini sarjana Barat juga turut serta menjadi pihak yang terlibat dalam proses penghasilan karya historiografi negara ini dengan acuan yang berbeza daripada bentuk penulisan sebelumnya yang dibawa masuk dan diperkenalkan oleh pihak kolonial British.²³ Malah penglibatan sarjana Barat dalam perkara ini berperanan sebagai tenaga pengajar kepada generasi awal sarjana tempatan.

Sehubungan itu, perkembangan ini dapat diperlihatkan di dalam penulisan sejarah daerah Larut khususnya melalui perkembangan fokus kajian daerah ini yang dahulunya lebih tertumpu kepada ekonomi bijih timah, namun telah diperluaskan tumpuannya kepada konteks ekonomi yang lebih pelbagai. Misalnya, karya Victor Purcell yang membincangkan berkenaan aspek sosial dan ekonomi masyarakat Cina di Tanah Melayu termasuklah di daerah Larut dan artikel John Gullick yang berjudul “The Economy of

²¹ Cheah Boon Kheng, “New Theories and Challenges in Malaysian History,” dlm *New Perspectives and Research on Malaysian History*, peny. Cheah Boon Kheng, Monograph 41 (Kuala Lumpur: MBRAS, 2007), hlm. 126

²² Lihat Cheah Boon Kheng, “Menulis Sejarah Malaysia: Beberapa Persoalan Tentang Pendekatan dan Kaedah Kajian,” dalam *Sorotan Terpilih Dalam Sejarah Malaysia*, peny. Mahani Musa & Tan Liok Ee (Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2000), hlm. 4-7.

²³ Ibid.



Perak in the Mid-1870s,” pula membincangkan kegiatan ekonomi masyarakat peribumi di beberapa daerah di negeri Perak serta daerah Larut secara ringkas.²⁴ Manakala dari segi penulisan yang lebih terperinci telah dihasilkan oleh sarjana tempatan berkaitan historiografi daerah ini seperti yang ditunjukkan di dalam karya Khoo Kay Kim yang berjudul “Taiping (Larut): The Early History of a Mining Settlement” yang diterbitkan pada 1991.²⁵ Walaupun karya ini meletakkan tajuk seolah-olah hanya akan memberikan tumpuan kepada ekonomi perlombongan bijih timah, namun penulisan tersebut turut memberikan perincian terhadap perkembangan penempatan buruh perlombongan di daerah Larut. Sehubungan dengan itu, penulisan sejarah daerah Larut oleh Elaine Yong Shu Han turut dilihat menekankan perbincangannya dengan memberi pengkhususan kepada kegiatan ekonomi perniagaan masyarakat Cina di bandar Taiping yang merupakan bandar penting dalam daerah Larut.²⁶ Penulisan lain yang dihasilkan oleh sarjana tempatan dan mempunyai perbincangan yang menyeluruh dapat dilihat dalam karya yang dihasilkan oleh Mohd Zamberi A. Malek dengan tajuknya *Larut Daerah Terkaya*. Karya Mohd Zamberi ini telah memerihalkan sejarah daerah ini dengan lebih luas dari segi tema dan tumpuan perbincangannya.²⁷ Tambahan pula, penulisan yang muncul semasa pasca-kemerdekaan ini sememangnya dapat mencabar penulisan sejarah daerah Larut yang telah dihasilkan sebelumnya oleh pihak kolonial. Perkara ini dapat dilihat daripada pernyataan Cheah Boon Kheng yang menyebutkan bahawa tempoh pasca kemerdekaan merupakan titik tolak

²⁴ Victor Purcell, *The Chinese in Modern Malaya* (Singapore: Donald Moore, 1956); John Gullick, “The Economy of Perak in the Mid-1870s,” *JMBRAS* 83, no. 2 (2010): 27-46.

²⁵ Khoo Kay Kim, “Taiping (Larut): The Early History of a Mining Settlement,” *JMBRAS* 64, no. 1 (1991): 1-32.

²⁶ Elaine Yong Shu Han, “Aktiviti Perniagaan Masyarakat Cina di Taiping Pada Zaman Kemelesetan Ekonomi Dunia 1929-1935,” *JEBAT* 44, no. 2 (2017): 115-136.

²⁷ Mohd Zamberi A. Malek, *Larut Daerah Terkaya* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001).



kepada peralihan pentafsiran historiografi negara ini yang dilihat lebih menonjolkan deskriptif-objektif di dalam naratifnya.²⁸ Ringkasnya, tempoh ini menunjukkan bentuk penulisan sejarah yang menerangkan peristiwa sejarah berasaskan pegangan terhadap nilai keobjektifan disiplin ilmu tersebut. Dalam tempoh ini juga menunjukkan bahawa bukan sahaja sarjana tempatan mula mengetengahkan pandangan historiografi yang memberikan penekanan terhadap objektiviti dan perspektif tempatan, malah beberapa sarjana Barat yang lain turut diakui oleh beliau sebagai penyumbang kepada perkembangan historiografi ini.

Di samping itu, berikutan dengan perkembangan penulisan sejarah Malaysia yang memperlihatkan perubahan dalam pentafsirannya secara langsung telah menimbulkan persoalan mengenai penulisan sejarah dalam skop yang lebih kecil dan spesifik khususnya perkembangan penulisan sejarah daerah Larut. Pandangan pengkaji berkenaan perkembangan penulisan sejarah daerah Larut ini sebenarnya merupakan sebuah isu yang amat menarik untuk diselidiki secara lanjut dan lebih terperinci. Apatah lagi, dengan pengkhususan yang melibatkan analisis yang lengkap dan komprehensif berdasarkan kepada perspektif tiga golongan utama iaitu pegawai British, sarjana Barat dan sarjana tempatan yang telah menyumbang kepada perkembangan penulisan sejarah daerah ini. Hal ini turut mendorong pengkaji untuk melakukan penyelidikan yang lebih mendalam terhadap perkara tersebut dengan berlandaskan kepada beberapa persoalan yang dapat diketengahkan misalnya sama ada penulisan sejarah daerah ini berkembang seiring dengan kajian yang meneliti perkembangan penulisan sejarah Malaysia? Atau apakah faktor yang

²⁸ Cheah Boon Kheng, "New Theories and Challenges in Malaysian History," hlm. 122.





menggerakkan perkembangan penulisan sejarah daerah Larut untuk berkembang sehingga kontemporari ini? Disebabkan persoalan tersebut, pengkaji melihat daerah Larut sebagai sebuah daerah yang menarik untuk dianalisis dengan lebih mendalam kerana daerah ini merupakan daerah yang menyimpan sejarah yang panjang sejak bermulanya kolonialisme pihak British sebelum akhirnya tersebar ke seluruh Tanah Melayu.

Usaha menganalisis perkembangan penulisan sejarah daerah Larut ini adalah bertujuan untuk mengisi ruangan atau kelompangan yang wujud dalam disiplin ilmu ini dan secara tidak langsung dapat meningkatkan pemahaman mengenai daerah ini daripada perspektif sejarah moden. Hal ini dapat dilakukan dengan mengetengahkan perbincangan terhadap aspek tertentu di dalam tema historiografi yang dapat disesuaikan dengan bentuk kajian perkembangan penulisan sejarah daerah Larut. Perbincangan dalam kajian ini berpandukan kepada karya ketiga-tiga kelompok penulis yang merangkumi topik perbincangan perkembangan penulisan sejarah daerah Larut, pemilihan tema dalam historiografi daerah Larut, penggunaan sumber dalam penulisan sejarah daerah ini dan analisis pentafsiran yang terdapat di dalam historiografi daerah ini. Melalui penyelidikan ini, perkembangan historiografi dalam konteks yang lebih khusus dapat difahami dengan lebih mudah berpandukan karya ketiga-tiga kelompok penulis sejarah daerah Larut. Antara karya penulisan yang dilihat sesuai untuk dilakukan perbandingan bagi menunjukkan perkembangan penulisan sejarah daerah ini secara ringkasnya dapat disenaraikan mengikut hasil penulisan daripada ketiga-tiga kelompok penulis tersebut. Antara karya penulisan daripada penulisan pegawai British semasa tempoh penjajahan seperti McNair,²⁹

²⁹ Fred McNair, *Perak and the Malays: Sarong and Kris* (London: Tinsley Brother, 1878).



Swettenham,³⁰ Leonard Wray,³¹ Victor Purcell,³² Gullick,³³ Wilkinson,³⁴ dan Windstedt.³⁵

Walaupun terdapat sarjana yang melihat R. J. Wilkinson dan R. O. Windstedt sebagai kelompok sarjana Barat akan tetapi latar belakang serta bentuk penulisan mereka dalam kes kajian ini lebih sesuai dikelompokkan bersama dengan kelompok pegawai British.³⁶ Seterusnya, bagi karya penulisan sarjana Barat adalah seperti Rupert Emerson,³⁷ Barbara Andaya,³⁸ Jim Baker,³⁹ Emily Sadka,⁴⁰ dan K. G. Tregonning.⁴¹ Manakala karya penulisan sarjana tempatan pula adalah seperti Khoo Kay Kim,⁴² Mohd Zamberi A. Malek,⁴³ Buyong Adil,⁴⁴ Abdullah Abdul Hamid,⁴⁵ Nadzan Haron,⁴⁶ Abdullah Zakaria Ghazali,⁴⁷ Pek Wee

³⁰ Frank A. Swettenham, *About Perak* (Straits Times Press: Singapore, 1893).

³¹ Leonard Wray, "An Account of Affairs in Larut Leading to British Intervention," *JMBRAS* 94, no. 320 (2021): 197-202.

³² Victor Purcell, *The Chinese in Modern Malaya* (Singapore: Donald Moore, 1956).

³³ John M. Gullick, "Captain Speedy of Larut," *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 26, no. 3 (1953): hlm. 7.

³⁴ R. J. Wilkinson, *A History of the Peninsular Malays with Chapters on Perak & Selangor* (Singapore: Kelly & Walsh Limited, 1923).

³⁵ R. O. Windstedt, *Malaya and Its History* (London: Hutchinson University Library, 1969); R. O. Windstedt, "A History of Malaya," *JMBRAS* 13, no. 1 (1935): iii-270; R. O. Windstedt & R. J. Wilkinson, "A History of Perak," *JMBRAS* 23, no. 1 (1934): v-x, 1-180.

³⁶ Windstedt dilihat sebagai pengkaji Barat bersama dengan John E. Kempe di dalam kajian mereka berkenaan Hukum Kanun Pahang. Lihat Nurliana Suhaini et. al., "Pengaruh Hukum Kanun Pahang Terhadap Raja dan Pemerintahannya," *JTuah* 2 (2020): hlm. 109.

³⁷ Rupert Emerson, *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule* (Kuala Lumpur: University Malaya Press, 1964).

³⁸ Barbara W. Andaya dan Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, 2nd ed. (Hampshire: Palgrave, 2001)

³⁹ Jim Baker, *Crossroads: A Popular History of Malaysia & Singapore* (Singapore: Times Editions Marshall Cavendish, 2000).

⁴⁰ Emily Sadka, "The Journal of Sir Hugh Low, Perak 1877," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 27, no. 4 (1954): hlm. 1, 3, 5-108.

⁴¹ K. G. Tregonning, *A History of Modern Malaya* (London: Eastern Universities Press Ltd, 1964); K. G. Tregonning, "How Germany Made Malaya British," *Asian Studies* 11, no. 2 (1964): 180-187.

⁴² Khoo Kay Kim, *Negeri-Negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu* (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1984); Khoo Kay Kim, "Taiping (Larut): The Early History of a Mining Settlement," *JMBRAS* 64, no. 1 (1991): 1-32; Khoo Kay Kim, *Taiping Ibu Kota Perak*, (Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1981).

⁴³ Mohd Zamberi A. Malek, *Larut Daerah Terkaya* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001).

⁴⁴ Buyong Adil, *Sejarah Perak* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2021).

⁴⁵ Abdullah Abdul Hamid, *Ngah Ibrahim: Jutawan Melayu Abad ke-19* (Persatuan Sejarah Malaysia: Kuala Lumpur: 2020)

⁴⁶ Nadzan Haron, "Garison Taiping 1874-1941," *Malaysia Dari Segi Sejarah* 20 (1992): 38-47.

⁴⁷ Abdullah Zakaria Ghazali, "Orang Kaya Menteri Paduka Tuan Ngah Ibrahim bin Long Jaafar 1840-1895: Satu Kajian Mengenai Perjuangannya Menentang British di Perak," *Jurnal Persatuan Muzium Malaysia* 11 (1992): 17-29.

Chuan,⁴⁸ Elainie Yong Shu Han,⁴⁹ Alex Teoh Eng Kean,⁵⁰ Abdullah Lubis,⁵¹ Azmi Arifin,⁵² Sarjit S. Gill⁵³ dan Marina Abdul Majid.⁵⁴ Pengkaji juga memasukkan beberapa karya lain yang dilihat bersesuaian dalam konteks kajian berkenaan perkembangan penulisan sejarah daerah Larut ini bagi meningkatkan pemahaman dan memperlihatkan perkembangan yang saling berkaitan antara historiografi daerah Larut dan historiografi yang lebih besar seperti Perak dan Malaysia. Oleh itu, jelaslah bahawa kajian ini merupakan salah satu usaha untuk meningkatkan lagi perkembangan ilmu sejarah dalam konteks historiografi yang lebih berfokuskan kepada kajian berteraskan karya penulisan sejarah.

1.2 Permasalahan kajian

Penulisan sejarah daerah Larut umumnya merupakan salah satu bahagian kecil daripada historiografi Malaysia. Dengan kata lain, pemerihalan sejarah daerah Larut ini seringkali memperlihatkan peristiwa kolonialisme British yang bermula akibat peristiwa kekacauan yang berlaku di daerah Larut pada penghujung kurun ke-19. Namun begitu, melalui

⁴⁸ Pek Wee Chuan, "The Kong-Moon System in Larut: Chinese Social Relationships in Nineteenth-Century Perak," *JMBRAS* 94, no. 320 (2021): 25-50.

⁴⁹ Elainie Yong Shu Han, "Aktiviti Perniagaan Masyarakat Cina di Taiping Pada Zaman Kemelesetan Ekonomi Dunia 1929-1935," *JEBAT* 44, no. 2 (2017): 115-136.

⁵⁰ Alex Teoh Eng Kean, *Old Taiping* (Kuala Lumpur: Alex Teoh Eng Kean., 2004).

⁵¹ Abdullah Lubis, "Perkembangan Sejarah Larut," (kertas kerja dibentangkan di Seminar Sejarah Negeri Perak, Asrama Perak Ipoh, 30 November - 2 Disember 1979), hlm. 1-18.

⁵² Azmi Arifin, "Perak Disturbances 1871-75: British Colonialism, The Chinese Secret Societies and the Malay Rulers," *JEBAT* 39 (2012): hlm. 51-76.

⁵³ Sarjit S. Gill, "Penglibatan Orang Sikh Dalam Tiga Pasukan Keselamatan Kolonial British di Malaya Sehingga 1919," *Jurnal E-Bangi* (2003): 1-23.

⁵⁴ Marina Abdul Majid, "A Japanese War Crime: Human Experimentation with Poison in Taiping, Malaya During World War II," *International Journal of Law, Government and Communication* 3, no. 9 (2018): 24-35.

penelitian yang lebih mendalam dapat dilihat bahawa karya penulisan yang memerihalkan sejarah daerah ini pada abad ke-19 tidak terbatas kepada peristiwa itu sahaja malah turut merangkumi aspek geografi wilayah dan potensi ekonominya. Manakala bagi abad ke-20, karya penulisan yang dihasilkan adalah lebih banyak menekankan fungsi daerah Larut yang merupakan kawasan permulaan kepada kolonialisme British di seluruh Tanah Melayu. Tambahan pula, tumpuan penulisan sejarah daerah Larut pada tempoh tersebut secara langsung mula beralih kepada aspek politik masyarakat setempat. Hal ini adalah bagi menjustifikasikan penjajahan yang telah dilakukan pasca Perjanjian Pangkor 1874. Antara perkara yang menjadi tumpuan adalah berkenaan matlamat utama kolonialisme British, kesan kolonialisme terhadap masyarakat tempatan dan kesan kolonialisme di Larut terhadap keseluruhan Tanah Melayu. Seterusnya, pada abad ke-21 tumpuan penulisan sejarah atau pensejarahan daerah Larut menunjukkan rupa bentuk yang lebih pelbagai. Walaupun terdapat beberapa penulisan yang masih bekisarkan kepada peristiwa-peristiwa yang sering menjadi tumpuan di dalam kajian daerah ini seperti Perang Larut, perebutan takhta dan kolonialisme British namun didapati perbincangannya memberikan perspektif yang berbeza daripada penulisan yang dihasilkan oleh generasi atau kelompok sebelumnya. Perkembangan penulisan sejarah daripada ketiga-tiga kelompok penulis ini secara kasarnya menunjukkan wujudnya ciri dan keunikan yang tersendiri.

Perkara yang dilihat menjadi isu di dalam historiografi daerah Larut ini adalah melalui perincian perkembangannya yang kurang jelas jika berbanding dengan perincian berkenaan dengan perkembangan historiografi Malaysia. Hal ini demikian kerana, tumpuan penulisan British lebih tertumpu kepada kepentingan mereka, diikuti oleh

penulisan sarjana Barat yang melihat daerah Larut sebagai sebahagian kecil dari naratif sejarah yang lebih besar. Manakala penulisan sarjana tempatan lebih menonjolkan fokus yang berbeza dari segi tema dan skop masa bagi daerah Larut. Ringkasnya, perincian berkenaan perkembangan penulisan sejarah daerah ini tidak begitu jelas berbanding dengan perincian yang lazimnya diperlihatkan di dalam kajian analisis historiografi Malaysia dengan menunjukkan fasa peralihan berserta ciri dan keunikannya tersendiri. Misalnya, pensejarahan Melayu klasik lebih berkisarkan kepada istana dan penggunaan lagenda serta mitos. Diikuti oleh pensejarahan Malaysia/Melayu semasa era kolonial lebih berfokuskan aspek yang penting bagi pentadbiran dan hal ehwal pihak penjajah. Manakala bagi pensejarahan moden Malaysia era pasca merdeka yang dihasilkan oleh sarjana tempatan lebih menyeluruh dan bersifat pelbagai dari segi tumpuan kajiannya.⁵⁵ Oleh sebab itu, pengkaji melihat bahawa penulisan sejarah daerah Larut ini memerlukan penyelidikan yang lebih mendalam bagi mendapatkan penjelasan yang terperinci dari konteks perkembangannya seperti mana perincian yang terdapat di dalam perkembangan historiografi Malaysia.

1.3 Objektif Kajian

- i. Membincangkan perkembangan penulisan sejarah daerah Larut
- ii. Membandingkan pemilihan tema dalam historiografi daerah Larut

⁵⁵ Lihat Cheah Boon Kheng, "Menulis Sejarah Malaysia: Beberapa Persoalan Tentang Pendekatan dan Kaedah Kajian," (Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2000); Khoo Kay Kim, "Recent Malaysian Historiography," *Journal of Southeast Asian Studies* 10, no. 2 (1979): hlm. 247-261.

- iii. Menganalisis penggunaan sumber dalam penulisan sejarah daerah Larut
- iv. Menilai pentafsiran penulis di dalam historiografi daerah Larut

1.4 Tinjauan Literatur

Perkembangan penulisan sejarah merupakan suatu bidang kajian yang menyentuh aspek kajian historiografi. Hal ini demikian kerana kajian ini berbeza daripada kajian sejarah yang lazimnya mengkaji berkenaan peristiwa yang telah berlaku, kajian historiografi ini adalah suatu bentuk kajian yang memfokuskan kepada hasil penulisan karya sejarah atau pensejarahan. Dalam kajian yang berbentuk penilaian terhadap perkembangan penulisan ini, pengkaji memilih beberapa kajian lepas yang membincangkan berkenaan penulisan sejarah atau historiografi dari pelbagai jenis kajian yang merangkumi tempat dan tempoh masa yang berbeza. Penelitian ini mendapati bahawa kajian yang memfokuskan penelitian dan penilaian terhadap karya sejarah Malaysia adalah lebih berkisarkan kepada aspek perkembangan penulisan itu sendiri dari konteks masa atau zaman tertentu, penggunaan sumber dan aspek lain yang memberikan pengaruh terhadap tafsiran di dalam perkembangan penulisan sejarah. Manakala bagi negeri Perak penelitian terhadap aspek perkembangan penulisan adalah kurang difokuskan. Dari segi kajian perkembangan penulisan berfokuskan daerah Larut pula, dapat dilihat melalui tesis kedoktoran Asilatul Hanaa dengan meletakkan peristiwa Perang Larut sebagai tumpuannya. Maka, bahagian ini membincangkan mengenai kajian yang memberikan fokus dalam bentuk historiografi merangkumi historiografi Malaysia, negeri Perak dan daerah Larut.



Salah satu kajian historiografi Malaysia khususnya dari segi penggunaan teori dan kaedah dalam karya sejarah dilakukan oleh Muhd Yusof Ibrahim.⁵⁶ Kajian ini bukan semata-mata memerihalkan isi kandungan penulisan sarjana tempatan yang dilihat sebagai satu bentuk penulisan sejarah moden malah ianya turut menilai kaedah dan pendekatan yang digunakan oleh sarjana tempatan pada awal dekad ke-20 di dalam penghasilan karya mereka. Salah satu perkara yang sering ditonjolkan di setiap bahagian perbincangan pada setiap penilaian karya penulis yang dibincangkan adalah dari segi bentuk penulisan, sumber yang digunakan dan tafsiran yang dipaparkan di dalam karya pensejarahan para penulis sejarah Malaysia. Sehubungan dengan itu, terdapat juga bahagian tambahan yang kadang kala dimuatkan oleh penulis seperti ciri dan kaedah pensejarahan. Salah satu matlamat penulisan ini adalah bertujuan untuk memperlihatkan kewujudan bentuk penulisan yang berbeza daripada era pra-kolonial dan sebelum pasca-kemerdekaan. Kajian ini bukan hanya memperlihatkan bahawa wujudnya bentuk penulisan yang mengarah ke arah penulisan sejarah moden malah ianya juga dapat membuktikan bahawa penulisan karya sejarah tempatan terus berkembang seiring dengan perkembangan waktu. Kaedah deskriptif yang digunakan oleh penulis dalam membincangkan karya penulisan yang dinilai didapati dapat menunjukkan keunikan karya tersebut. Namun dari segi perkara yang dilihat dapat ditambahbaik dalam penulisan ini adalah dari segi kaedah penilaian yang digunakan lebih-lebih lagi sekiranya bagi menonjolkan perkembangan dalam penghasilan karya penulisan sejarah. Sungguhpun demikian, perkara yang dilihat menjadi pencetus kepada kajian berkaitan dengan perkembangan penulisan sejarah ini dapat dikaitkan dengan pernyataan daripada Muhd Yusof bahawa dekad 1920-an memperlihatkan

⁵⁶ Muhd Yusof Ibrahim, *Sejarawan dan Pensejarahan Melayu* (Kuala Lumpur: Tinta Publishers, 2011).



peralihan pensejarahan Melayu dari segi isi dan kandungannya.⁵⁷ Maka dalam perkara ini jelas bahawa karya ini dapat dijadikan sebagai sebuah garis panduan dalam meneliti perkembangan penulisan sejarah lebih-lebih lagi dalam membentuk kajian yang kurang dihasilkan seperti kajian perkembangan penulisan yang menggunakan skop tempat yang lebih spesifik seperti daerah Larut.

Selain itu, dalam memahami perkembangan penulisan dalam kalangan penulis sejarah tempatan didapati beberapa orang sarjana terkemuka turut tidak terkecuali dalam mengutarakan pandangan berkenaan dengan ciri dan bentuk penulisan sejarah mengikut fasa atau zaman tertentu. Salah satunya adalah Khoo Kay Kim di dalam teks ucapannya yang telah dibukukan dengan judul *Panji-Panji Gemerlapan* yang menyebutkan bahawa tradisi pensejarahan Melayu pada kurun ke-17 hingga kurun ke-19 mempunyai ciri tertentu.⁵⁸ Ciri tersebut didapati turut disebutkan oleh Abu Talib Ahmad bahawa pada kurun tersebut kebanyakannya dihasilkan oleh para penulis istana.⁵⁹ Kedua sarjana ini melihat kurun ke-20 sebagai titik tolak kepada pensejarahan Melayu baharu namun Abu Talib Ahmad telah mengecilkan skop kajiannya ke dalam konteks sejarah negeri Kedah. Jika diteliti pada bahagian perbincangan berkenaan dengan kurun ke-20 ini didapati bahawa ianya digerakkan oleh ahli sejarah amateur pada peringkat awal sehinggalah kemunculan ahli sejarah profesional.⁶⁰ Khoo Kay Kim yang berbicara dari konteks historiografi Malaysia pula melihat kemunculan ahli sejarah amateur disusuli oleh golongan pelajar dari

⁵⁷ Muhd Yusof Ibrahim, *Sejarawan dan Pensejarahan Melayu*, hlm. 27.

⁵⁸ Khoo Kay Kim, *Panji-Panji Gemerlapan: Satu Pembicaraan Pensejarahan Melayu* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1979), hlm. 6.

⁵⁹ Abu Talib Ahmad, "Scribes and Historians, State Museums and State Histories," dalam *New Perspectives and Research on Malaysian History*, peny. Cheah Boon Kheng (MBRAS, 2007), hlm. 9-60.

⁶⁰ Abu Talib Ahmad, "Scribes and Historians, State Museums and State Histories," hlm. 25-44.



institusi pengajian tinggi berikutan dengan peristiwa perdebatan idea pada tahun 1950-an dan 1960-an menjadi detik penting dalam perkembangan disiplin ilmu sejarah Malaysia.⁶¹ Salah satu hal yang dilihat paling menonjol di antara kedua kajian sarjana tersebut berkaitan dengan fasa perkembangan penulisan sejarah negara adalah dari segi pengkelasan penulis karya sejarah berserta dengan ciri penulisan yang ditampilkan di dalam karya sejarah Malaysia. Secara umumnya, kandungan isu yang diketengahkan kedua sarjana ini adalah lebih berfokuskan kepada perkembangan penulisan yang berbeza dari skop tempat sahaja. Namun demikian, dari segi penerangan dan huraian perbincangan didapati keduanya menggariskan penulisan yang pernah dihasilkan berserta dengan keunikan bagi tempoh-tempoh tertentu. Penemuan daripada kedua sarjana ini menimbulkan persoalan berkenaan dengan kelompok penulis bersama dengan rupa bentuk penulisan sejarah yang mereka hasilkan di dalam konteks yang lebih kecil daripada skop negeri. Dalam hal ini penulis melihat penilaian daripada kedua kajian ini wajar untuk diadaptasikan ke dalam skop yang lebih spesifik seperti daerah Larut.

Penilaian terhadap penulisan karya sejarah negeri pula dapat dilihat di dalam penulisan Abu Talib Ahmad berjudul “Penulisan Sejarah Negeri Pahang” yang juga merupakan kertas kerja bagi Persidangan Nasional Sejarah dan Sejarawan Malaysia: Memperkasa Sejarah Nasional dalam Melestarikan Pembangunan Negara di Universiti Sains Malaysia pada 14-15 September 2017.⁶² Walaupun penulisan ini lebih tertumpu kepada pengkisahan sejarah negeri Pahang ianya turut cuba untuk menonjolkan beberapa

⁶¹ Khoo Kay Kim, *Panji-Panji Gemerlapan*, hlm. 12-23.

⁶² Abu Talib Ahmad, “Penulisan Sejarah Negeri Pahang,” dalam *Pensejarahan Meniti Zaman: Sumber, Kaedah dan Interpretasi*, peny. Mahani Musa & Muhammad Hasrul Zakariah (Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2024), hlm. 26





kelompangan yang cuba diisi oleh penulis seperti sejarah Orang Asli, Hukum Kanun Pahang dan masyarakat sebelum kurun ke-19, kegiatan pertanian padi serta masalah banjir. Namun demikian, pada bahagian awal penulisan ini telah menunjukkan penilaian terhadap karya penulisan sejarah negeri ini berdasarkan kepada karya penulisan sarjana tempatan. Antara beberapa perkara yang ditonjolkan di dalam penilaian tersebut adalah merangkumi fokus perbincangan dan sumber yang digunakan bagi penghasilan sejarah negeri ini.⁶³ Bagi memperkaitkan perkembangan kajian sejarah negeri didapati bahawa penulis secara sepintas lalu menyebutkan beberapa orang penulis yang terdiri daripada pegawai kolonial dan sarjana Barat. Salah satu perkara yang ditekankan di dalam penulisan ini adalah dari segi penggunaan sumber bagi menghasilkan karya sejarah. Hal ini ditekankan oleh penulis bahawa penggunaan sumber yang pelbagai tentunya dapat memantapkan hasil penulisan sejarah negeri ini.⁶⁴ Malah kepentingan sumber tersebut turut selari dengan pandangan Linehan, Andaya dan Nordin Hussin yang menyebutkan bahawa keperluan penggunaan sumber China, Belanda dan Portugis adalah bersesuaian untuk mengisi ruangan dalam naratif sejarah sebelum kurun ke-18.⁶⁵ Perkaitan mengenai kepentingan sumber yang dinyatakan memperlihatkan penulis ini menonjolkan wujudnya peluang untuk meneroka sejarah negeri Pahang secara lebih mendalam. Jelas bahawa salah satu idea yang ditekankan di dalam penulisan ini khususnya dalam kajian perkembangan penulisan karya sejarah adalah berkenaan dengan penggunaan sumber yang pelbagai berserta dengan manfaatnya terhadap kualiti hasil penulisan sejarah. Bahkan penulis menyatakan pengaruh daripada sumber baharu dan pelbagai tentunya dapat memberikan penulisan yang lebih

⁶³ Abu Talib Ahmad, "Penulisan Sejarah Negeri Pahang," hlm. 1-9

⁶⁴ Ibid., hlm. 26.

⁶⁵ Ibid., hlm. 7.





dinamik dan menyeluruh khususnya dalam penulisan sejarah sesebuah kawasan yang tidak terikat kepada sesuatu peristiwa sahaja. Maka, melalui kajian ini dapat memberikan cetusan idea berkenaan aspek yang dapat dititikberatkan di dalam menilai perkembangan penulisan sejarah yang lebih spesifik khususnya berkenaan dengan pengaruh sumber di dalam karya penulisan yang dihasilkan.

Tambahan pula, pengaruh penggunaan sumber dalam perkembangan penulisan sejarah ini turut dapat dilihat melalui hasil kajian A. J. Stockwell (1976).⁶⁶ Kajian ini secara keseluruhannya membincangkan perkembangan historiografi Malaysia yang menetapkan skop masanya bermula daripada pertapakan kolonialisme British di negeri-negeri Selat setelah Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 sehinggalah pembentukan Malaysia. Kaedah yang digunakan di dalam penulisan ini adalah berbentuk naratif-kronologi. Penulis membincangkan perkembangan yang berlaku di Tanah Melayu dan kepulauan Borneo yang bukan sahaja tertumpu kepada kolonialisme semata-mata malah turut merangkumi perubahan sosioekonomi di kawasan tersebut. Satu perkara yang dilihat sering ditonjolkan di dalam penulisan ini ketika menyebutkan karya penulisan daripada para sarjana adalah dari segi penekanan dan penggunaan sumber yang dijadikan rujukan di dalam karya yang dinilai. Misalnya, terdapat karya yang tidak dapat menggunakan sumber-sumber rasmi atas kekangan tertentu. Terdapat juga penulisan yang menggunakan sumber tempatan seperti akhbar dan keterangan lisan daripada masyarakat tempatan. Kajian ini meskipun tidak memberikan fokus yang meluas dari segi penilaian terhadap karya penulisan sejarah namun ianya selari dengan matlamat kajian yang melihat perkembangan penulisan sejarah

⁶⁶ A. J. Stockwell, "The Historiography of Malaysia: Recent Writings in English on the History of the Area Since 1874," *The Journal of Imperial and Commonwealth History* 5, no. 1 (1976): 82-110.



Malaysia berfokuskan kepada penulisan bahasa Inggeris. Penjelasan terhadap penggunaan sumber dapat memberikan justifikasi terhadap pengaruhnya di dalam karya penulisan yang dihasilkan. Oleh sebab itu, meskipun penulisan ini menggunakan skop kajian tempat yang lebih besar iaitu Malaysia dalam menjelaskan perkembangan karya historiografi tempatan namun ianya jelas menyebutkan peri pentingnya penilaian terhadap penggunaan sumber yang digunakan dalam karya penulisan sejarah yang dihasilkan. Oleh sebab itu, kajian ini dapat memperkukuhkan lagi bahawa aspek penggunaan sumber sewajarnya menjadi aspek yang tidak seharusnya diketepikan dalam menilai proses perkembangan penulisan sejarah.

Selain itu, isu di dalam kajian historiografi dapat dilihat melalui kajian yang menilai penulisan sejarah berdasarkan perkembangan aliran pemikiran dalam disiplin ilmu sejarah.

Kajian sedemikian dapat dilihat melalui karya Cheah Boon Kheng berjudul “New Theories and Challenges in Malaysian History,” yang bukan sahaja bertujuan untuk mendepani cabaran pemikiran di era pasca-modenis ini malah ianya turut memfokuskan aspek yang memberikan pengaruh terhadap penulisan sejarah Malaysia.⁶⁷ Antara perkara penting yang digariskan di dalam karya ini adalah dari segi identiti aliran pemikiran yang utama di Malaysia yang terdiri daripada aliran *Reconstructionist*, *Constructionist* dan *Deconstructionist*. Idea ini dikemukakan oleh Cheah Boon Kheng dengan berpanduan idea yang sering disentuh oleh Alun Munslow.⁶⁸ Fokus utama yang dapat dikenalpasti di dalam penulisan ini adalah mengenai pengaruh aliran pemikiran di dalam hasil penulisan ahli sejarah. Meskipun ianya mengambil skop yang besar namun tumpuan kajian yang

⁶⁷ Cheah Boon Kheng, “New Theories and Challenges in Malaysian History,” dlm *New Perspectives and Research on Malaysian History*, peny. Cheah Boon Kheng (MBRAS, 2007), 119-146.

⁶⁸ Lihat Alun Munslow, *Deconstructing History* (London: Routledge, 1997).



ditetapkan hanya berfokuskan kepada penilaian terhadap karya sejarah sahaja. Melalui kajian ini telah menunjukkan bahawa pengaruh aliran pemikiran sejarah yang terus berkembang telah memberikan impak yang ketara terhadap bentuk penulisan sejarah yang dihasilkan oleh para penulis sejarah. Secara ringkasnya, penulisan ini menekankan kepentingan elemen yang memberikan pengaruh terhadap pentafsiran para sarjana dalam karya mereka. Maka dapat dinyatakan bahawa penilaian karya penulisan dapatlah dilakukan dengan melihat kepada pengaruh aliran pemikiran sebagai suatu perkara yang tersirat dan hanya dizahirkan melalui pentafsiran yang terkandung di dalam hasil penulisan sejarah. Jelaslah bahawa kajian ini bukan sahaja menyentuh perkembangan penulisan sejarah malah turut menggariskan faktor yang menyebabkan perkara tersebut berlaku.



Sehubungan itu, penulisan oleh Paul Kratoska berjudul “Many Malays: Placing Malaysia in a Historical Context” turut dapat dikaitkan sebagai suatu kajian yang melakukan penilaian terhadap perkembangan karya penulisan sejarah.⁶⁹ Hal ini demikian kerana penulisan ini didapati mengkritik penulisan sejarah negara ini yang masih terikat kepada rangka penulisan pegawai kolonial British meskipun ianya jelas terus berkembang. Isu yang diketengahkan dalam perkara ini adalah dari segi penggunaan terma yang dilihat tidak bersesuaian dengan konteks dimana ia diletakkan. Misalnya, terma ‘dunia Melayu’ tidak seharusnya mengikut rupa bentuk Malaysia pada hari ini yang mengecualikan kawasan yang dahulunya termasuk ke dalam takrif ini seperti Pattani, utara Sumatera dan Kepulauan Riau. Dengan kata lain, tindakan British yang menjadi pemisah geografi bagi kawasan tersebut sejak tahun 1824 tidak seharusnya menjadi acuan atau panduan di dalam

⁶⁹ Paul H. Kratoska, “Many Malays: Placing Malaysia in a Historical Context,” dalam *New Perspectives and Research on Malaysian History*, peny. Cheah Boon Kheng, (MBRAS: 2007), hlm. 229-246.





penghasilan sejarah dalam konteks Alam Melayu. Malah aspek lain yang ditekankan selain kesilapan penggunaan terma ini adalah berkaitan dengan penzamanan yang turut mengikut garis yang telah ditetapkan oleh pihak British. Perkara ini diujahkan oleh penulis bahawa ianya harus diperbetulkan. Kajian ini didapati memperlihatkan bahawa pengaruh daripada penulisan kolonial adalah jelas terlihat di dalam karya sejarah tempatan. Oleh sebab itu, penulisan ini dilihat telah memberikan idea dalam perbincangan mengenai perkembangan penulisan sejarah daerah Larut khususnya dalam menilai sejauhmana legasi dan elemen yang terdapat di dalam karya penulisan pegawai British diteruskan oleh sarjana pada tempoh atau fasa berikutnya. Dengan kata lain, kajian ini menonjolkan keperluan ciri keunikan di dalam penulisan sejarah untuk dikenalpasti.



Selain itu, perkembangan penulisan sejarah juga dapat dilihat melalui penulisan sejarah negeri Perak. Walaupun demikian, kajian yang berbentuk historiografi dalam konteks negeri ini adalah kurang berbanding dengan jumlah penulisan yang memerihalkan peristiwa sejarah negeri ini. Perbincangan yang kerap ditonjolkan terhadap sejarah negeri ini adalah berkaitan dengan campur tangan British di Perak. Perkara ini dapat dilihat melalui penghasilan karya sejarah oleh para pegawai British yang menjadi antara pihak yang terawal mencatatkan sejarah negeri ini khususnya sejak kurun ke-19. Penghasilan karya sejarah oleh kelompok pegawai British ini kebanyakannya dihasilkan berdasarkan pengalaman mereka sewaktu berkhidmat di bawah kolonial British. Antaranya, penulisan oleh Swettenham, Fred McNair, Leonard Wray, John Gullick, W. E. Maxwell, Victor Purcell, R. O. Winstedt, R. J. Wilkinson dan beberapa lagi pegawai British yang turut memerihalkan pengalaman mereka sepanjang berkhidmat di 'British Malaya' sejak





beberapa tahun selepas termeterainya Perjanjian Pangkor 1874 sehinggalah pertengahan kurun ke-20.⁷⁰ Penulisan yang dihasilkan oleh para pegawai British ini didapati menggunakan kaedah tinjauan atau pemerhatian, rujukan kepada rekod rasmi dan penulisan lampau serta kaedah temu bual yang tidak diperincikan. Kebanyakan daripada hasil penulisan para pegawai British ini lebih ke arah membincangkan perkembangan yang berlaku di negeri Perak dalam konteks kolonialisme British. Seterusnya, perkembangan penulisan sejarah negeri Perak diperlihatkan dengan karya yang dihasilkan oleh kelompok sarjana Barat seperti Barbara Watson Andaya dan Leonard Andaya, Jim Baker, Rupert Emerson, dan K. G. Tregonning.⁷¹ Perkara ini kemudiannya dikembangkan oleh sarjana tempatan pada tempoh berikutnya. Namun demikian, salah satu penulisan yang meletakkan skop perbincangan negeri Perak sekali gus mempunyai tumpuan yang sama dengan penulisan kolonial dan sarjana Barat ialah karya Buyong Adil.⁷² Penulisan ini sememangnya terlihat memerihalkan susur galur keturunan raja-raja Perak tetapi turut memuatkan bahagian khusus bagi membincangkan kolonialisme British di negeri Perak.

⁷⁰ Karya pegawai British yang menyentuh perbincangan negeri Perak adalah seperti Frank Swettenham, *About Perak* (Singapore: Straits Times Press, 1893); Frank Swettenham, *British Malaya: An Account of the Origin and Progress of British Influence in Malaya* (London: John Lane the Bodley Head, 1906); Frank Swettenham, *The Real Malay* (London: John Lane The Bodley Head Limited, 1899); Fred McNair, *Perak and the Malays: Sarong and Kris* (London: Tinsley Brother, 1878); Leonard Wray, "An Account of Affairs in Larut Leading to British Intervention," *JMBRAS* 94, no. 320 (2021): 197-202; John M. Gullick, "Captain Speedy of Larut," *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 26, no. 3 (1953): 3-103; John Gullick, "The Economy of Perak in the Mid-1870s," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 83, no. 2 (2010): 27-46; W. E. Maxwell, "The History of Perak From Natives Sources," *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, no. 9 (1882): pp. 85-108; Victor Purcell, *The Chinese in Modern Malaya* (Singapore: Donald Moore, 1956); R. O. Winstedt, *Malaya and Its History* (London: Hutchinson University Library, 1969); R. O. Winstedt dan R. J. Wilkinson, *A History of Perak* (MBRAS: 1974); R. J. Wilkinson, *A History of the Peninsular Malays with Chapters on Perak & Selangor* (Singapore: Kelly & Walsh Limited, 1923).

⁷¹ Rupert Emerson, *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule* (Kuala Lumpur: University Malaya Press, 1964); Barbara W. Andaya & Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, 2nd ed. (Hampshire: Palgrave, 2001); Jim Baker, *Crossroads: A Popular History of Malaysia & Singapore* (Singapore: Times Editions Marshall Cavendish); K. G. Tregonning, *A History of Modern Malaya* (London: Eastern Universities Press Ltd, 1964); K. G. Tregonning, "How Germany Made Malaya British." *Asian Studies* 11, no. 2 (1964): 180-187.

⁷² Buyong Adil, *Sejarah Perak* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2021).





Hal ini dapat dilihat melalui pemfokusan kepada konflik yang berlaku di daerah Larut sebagai sebuah peristiwa penting ke atas negeri ini.

Sehubungan itu, karya yang dihasilkan oleh para penulis sejarah negeri ini menggunakan garis panduan yang lazimnya digunakan di dalam penulisan akademik. Terutama sekali dari segi sumber yang digunakan dan pentafsiran yang dimasukkan ke dalam penulisan mereka. Buktinya, karya penulisan ini menunjukkan penggunaan kaedah nota kaki atau senarai rujukan yang ditunjukkan di dalam karya mereka. Bahkan perkara ini menjadi sesuatu yang baharu jika dibandingkan dengan karya penulisan pegawai British yang hanya secara sepintas lalu menyebutkan penggunaan sumber yang digunapakai dalam memerihalkan sejarah daerah ini. Perkara tersebut dapat dilihat pada bahagian prakata atau bahagian awal penulisan pegawai British. Hasil penulisan yang ditunjukkan di dalam karya penulisan ini secara langsung dapat dilihat telah menepati tuntutan disiplin ilmu sejarah yang menekankan kepentingan penggunaan sumber yang pelbagai dan berautoriti. Oleh sebab itu, kajian-kajian ini sesuai digunakan sebagai bahan utama penilaian terhadap perkembangan penulisan sejarah daerah Larut dengan meneliti penggunaan sumber serta pengaruhnya terhadap fokus penulisan dan pentafsiran yang telah dihasilkan. Penilaian aspek pentafsiran dapat diketengahkan bagi memperlihatkan ciri keunikan yang dimiliki oleh karya penulisan tersebut.

Di samping itu, kajian yang mengkhususkan fokusnya untuk menganalisis penulisan sejarah daerah Larut didapati amat terhad dari segi bilangannya. Salah satu bentuk kajian yang melakukan penilaian terhadap penulisan sejarah daerah ini adalah tesis





kedoktoran Asilatul Hanaa.⁷³ Kajian ini menetapkan fokusnya terhadap perkembangan penulisan sejarah berkaitan peristiwa Perang Larut berdasarkan hasil penulisan pegawai kolonial British dan sarjana tempatan. Kajian ini bukan sahaja membincangkan secara deskriptif mengenai penulisan yang mengkaji peristiwa tersebut malah ia juga menunjukkan aspek-aspek yang memberikan pengaruh terhadap pentafsiran di dalam karya yang memerihalkan peristiwa tersebut. Kaedah analisis tekstual digunakan bagi memperlihatkan perbezaan dan keunikan antara karya penulisan sarjana tempatan dan pegawai kolonial British. Meskipun isu yang dikemukakan sedikit berbeza dengan isu yang dibawa oleh Cheah Boon Kheng⁷⁴ namun didapati bahawa isu mengenai eurosentrik dan naratif besar seperti keadaan anarki, imperialisme, dan beberapa lagi aspek yang melibatkan perspektif British merupakan penilaian terhadap pentafsiran karya penulisan yang memerihalkan Perang Larut (1861-1873). Secara keseluruhannya, kajian ini berbentuk analisis penulisan sejarah yang memerihalkan siri Perang Larut berserta dengan aspek yang memberikan pengaruh berkaitan topik tersebut khususnya dalam aspek pentafsirannya.

Berdasarkan kajian Asilatul Hanaa ini didapati bahawa ianya dapat dikembangkan ke dalam konteks kajian yang lebih luas terutamanya dari segi penulisan peristiwa sejarah yang lebih pelbagai di dalam daerah Larut. Buktinya, perkara ini dapat dikaitkan dengan beberapa karya sejarah yang menyentuh topik berkaitan daerah ini daripada perspektif sejarah. Menariknya, terdapat tiga golongan yang dapat dikenalpasti menyentuh sejarah

⁷³ Asilatul Hanaa Abdullah, *Colonial Historiography: A Non-Western Perspective of the Larut Wars 1861-1875* (PhD Diss., International Islamic University Malaysia, 2020).

⁷⁴ Berkenaan dengan perkembangan idea pemikiran di dalam disiplin ilmu sejarah. Lihat Cheah Boon Kheng, "New Theories and Challenges in Malaysian History," hlm. 119-146.





daerah ini iaitu golongan pegawai British, sarjana Barat dan sarjana tempatan. Pegawai British memerihalkan daerah ini sebagai titik permulaan campur tangan mereka bagi memastikan negeri Perak kembali menjadi aman dan tenteram. Misalnya, karya daripada Frank Swettenham, Fred McNair, John Gullick, Leonard Wray dan Victor Purcell. Persamaan yang dimiliki oleh karya tersebut didapati bukan sahaja melalui pendekatannya dalam memaparkan naratif sejarah daerah Larut, malah ia juga ditunjukkan melalui matlamat penghasilannya iaitu untuk memperlihatkan campur tangan British di Perak sebagai pihak yang menyelesaikan permasalahan yang berlaku di daerah Larut berserta dengan pemaparan situasi anarki yang berlaku di daerah itu.⁷⁵ Perkara ini jelas sepertimana yang disebutkan oleh Stocwell dan Asilatul Hanaa sebelumnya mengenai situasi negeri-negeri yang berlaku kekacauan pada penghujung kurun ke-19.⁷⁶ Maka, karya-karya tersebut dilihat amatlah sesuai untuk dijadikan sebagai sumber utama dalam menilai perkembangan penulisan daerah tersebut.

Akhir sekali, karya penulisan sarjana tempatan yang memerihalkan sejarah daerah Larut sebagai fokus tumpuan dapat dilihat melalui karya Khoo Kay Kim, Nadzan haron, Buyong Adil, Mohd Zamberi A. Malek, Abdullah Zakaria, Azmi Arifin dan beberapa nama lagi.⁷⁷ Kesemua karya penulisan ini merupakan suatu bentuk karya sejarah yang

⁷⁵ Fred McNair, *Perak and the Malays: Sarong and Kris* (London: Tinsley Brother, 1878); Frank A. Swettenham, *About Perak* (Straits Times Press: Singapore, 1893); Leonard Wray, "An Account of Affairs in Larut Leading to British Intervention," *JMBRAS* 94, no. 320 (2021): 197-202; Victor Purcell, *The Chinese in Modern Malaya* (Singapore: Donald Moore, 1956); John M. Gullick, "Captain Speedy of Larut," *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 26, no. 3 (1953): hlm. 7.

⁷⁶ Asilatul Hanaa Abdullah, *Colonial Historiography: A Non-Western Perspective of the Larut Wars 1861-1875*; A. J. Stockwell, "The Historiography of Malaysia: Recent Writings in English on the History of the Area Since 1874."

⁷⁷ Khoo Kay Kim, "Taiping (Larut): The Early History of a Mining Settlement," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 64, no. 1 (1991): 1-32; Khoo Kay Kim, *Taiping Ibu Kota Perak*; Mohd





menyentuh berkaitan sejarah daerah Larut. Kebanyakan karya yang muncul pada kurun ke-20 sehinggalah kontemporari ini menunjukkan tumpuan yang berbeza. Perkara ini memberikan cetusan idea kepada pengkaji bahawa karya penulisan tersebut sewajarnya diseledik dengan lebih mendalam bagi memperlihatkan perkembangan penulisan sejarah dalam konteks yang lebih kecil iaitu daerah Larut. Sehubungan dengan itu, didapati bahawa kajian tersebut bukan sahaja dapat menunjukkan perkembangan dalam penulisan sejarah malah isu yang digariskan dalam kajian lepas dapat dinilai secara terperinci. Misalnya, pengaruh penggunaan sumber dan aspek-aspek lain yang mempengaruhi pentafsiran penulis. Maka, disebabkan perkara ini karya penulisan tersebut dilihat sesuai untuk dijadikan sumber utama dalam penyelidikan yang berbentuk penilaian terhadap karya penulisan sejarah dalam konteks daerah Larut.



Secara keseluruhannya, jelaslah bahawa kajian yang meletakkan fokus terhadap penilaian karya penulisan sejarah negara ini tidak hanya berkisarkan kepada kronologi perkembangannya sejak era kesultanan Melayu sahaja. Sebaliknya, perkembangan tersebut terus berlaku sehingga kini dengan rupa bentuk yang berbeza. Kajian yang mengetengahkan topik berkaitan dengan penelitian karya penulisan sejarah berhubung dengan negara ini didapati memberikan penekanan terhadap peri pentingnya penggunaan sumber dan aspek yang dapat mempengaruhi tafsiran di dalam kajian sejarah yang dilakukan. Berkaitan dengan hal tersebut, kajian historiografi negara ini sering menjadikan peristiwa yang berlaku di daerah Larut sebagai titik tolak kepada perkembangan episod sejarah moden Malaysia. Disebabkan perkara tersebut dapat dilihat bahawa kepentingan

Zamberi A. Malek, *Larut Daerah Terkaya* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001); Buyong Adil, *Sejarah Perak* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2021).





daerah ini tidak seharusnya tertumpu kepada isu kolonialisme semata-mata. Hal ini demikian kerana berdasarkan penyelidikan awal mendapati bahawa karya sejarah daerah Larut adalah pelbagai dari segi isu dan tumpuan yang diketengahkan. Oleh itu, kajian penilaian berdasarkan karya tersebut merupakan suatu usaha untuk mengisi kelompangan yang digariskan. Perkara ini dapat dicapai melalui penggunaan kaedah analisis bandingan, analisis tekstual dan analisis deskriptif. Melalui kaedah ini tentunya dapat memenuhi kelompangan dalam kajian yang memfokuskan perkembangan penulisan sejarah daerah Larut. Maka, jelaslah bahawa ruangan kelompangan yang dikenalpasti melalui kajian lepas adalah menyentuh aspek penggunaan sumber, pentafsiran dan bentuk kajian penyelidikan historiografi daerah Larut.



1.5 Kepentingan Kajian

Penyelidikan yang dijalankan ini dapat memberikan penjelasan yang lebih terperinci dan menyeluruh khususnya berkenaan dengan perkembangan penulisan sejarah daerah Larut. Kajian ini sememangnya mengambil skop kawasan yang kecil, namun skop tempat yang dipilih merupakan sebuah kawasan yang signifikan di dalam naratif sejarah tempatan terutamanya pada peringkat awal kemaraan kolonialisme British. Disebabkan perkara ini juga dilihat wujudnya keperluan untuk menilai penulisan sejarah daerah Larut dari konteks masa yang berbeza dan tidak hanya terikat kepada kurun ke-19 iaitu semasa peringkat awal kolonialisme British sepertimana lazimnya penulisan sejarah yang hanya menampilkan peristiwa tersebut sebagai sebuah topik utama kajian. Hal ini demikian kerana ianya seolah-





olah menutupi atau memperlihatkan ketiadaan topik kajian yang menjangkau daripada peristiwa penjajahan British di kawasan tersebut. Kajian ini dapat menunjukkan perkembangan penulisan sejarah daerah ini terus mengalami perubahan setelah termeterainya Perjanjian Pangkor 1874 bahkan sehingga pasca Perang Dunia Kedua. Dengan kata lain, kajian ini bertujuan untuk menonjolkan perkembangan penulisan sejarah daerah ini yang tidak terikat sepenuhnya terhadap topik kajian seperti konflik perebutan takhta, perang saudara dan kolonialisme British semata-mata.

Tambahan pula, kajian ini tentunya dapat memberikan ruang dan peluang kepada ahli sejarah akan datang dalam menghasilkan kajian mengenai pensejarahan daerah Larut yang lebih menyeluruh dan secara langsung dapat membantu melengkapkan sebahagian daripada sejarah negeri Perak dari konteks sejarah daerah ini. Oleh itu, perkara tentunya dapat membuka ruangan kepada sejarah yang lebih komprehensif walaupun *total history* belum dapat untuk dicapai. Namun demikian, ianya merupakan salah satu usaha ke arah sejarah tersebut sekurang-kurangnya dalam konteks sejarah negeri atau lebih mengagumkan lagi dalam konteks sejarah Malaysia. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa pendekatan historiografi dapat mengisi ruangan yang kurang dititikberatkan dalam sejarah nasional akibat tumpuan terhadap perkara-perkara yang dilihat signifikan sahaja.





1.6 Skop Kajian

Penyelidikan yang dilakukan berhubung dengan tema pensejarahan ini mengambil skop daerah Larut yang terletak di negeri Perak. Hal ini disebabkan, Perak merupakan antara negeri yang terawal menerima pengaruh Inggeris sepenuhnya dalam naratif sejarah Malaysia. Sehubungan itu, daerah Larut yang merupakan daerah signifikan bagi negeri ini telah mengalami perubahan yang nyata setelah campurtangan British selepas tahun 1874. Perkara ini sememangnya mempunyai perkaitan dengan kepentingan pihak British. Disebabkan perkara tersebut, kajian mengenai sejarah Malaysia sering memulakan naratif dengan melihat kepada peristiwa yang berlaku di daerah Larut. Maka disebabkan perkara tersebut ia sememangnya wajar untuk dijadikan skop tempat dalam kajian berbentuk historiografi.



Seterusnya, bagi skop masa yang telah ditetapkan dalam kajian ini dapat dipecahkan kepada dua garis masa yang berbeza melalui karya sejarah yang dihasilkan pada zaman penjajahan British dan zaman pasca kemerdekaan. Secara khususnya, skop masa yang dipilih oleh pengkaji ialah pada tahun 1878 disebabkan oleh karya penulisan Major Fred McNair merupakan antara karya sejarah terawal yang dihasilkan oleh pegawai British memerihalkan negeri Perak termasuklah daerah Larut. Perkara ini kemudiannya diikuti oleh penulisan pegawai British yang lain seperti Frank Swettenham, Victor Purcell dan beberap lagi pegawai lain. Manakala bagi penulisan sarjana Barat pula, karya Rupert Emerson pada 1937 dilihat sebagai antara penulisan terawal yang memerihalkan sejarah yang menyentuh skop daerah Larut. Seterusnya, Khoo Kay Kim antara sarjana tempatan



yang awal menghasilkan karya dengan fokus khusus kepada sejarah daerah ini pada tahun 1991 sebelum ianya diteruskan oleh kelompok sarjana tempatan lain. Sehubungan dengan itu, pemilihan skop masa tahun 2021 sebagai penghujung garis masa kajian adalah disebabkan penulisan yang terkini dapat dikesan mengetengahkan topik berkenaan sejarah daerah Larut adalah melalui penulisan Buyong Adil dan Leonard Wray. Maka, pemilihan skop masa ini adalah berkait rapat dengan tempoh penerbitan atau penghasilan karya sejarah daerah ini. Oleh itu, jelaslah pemilihan skop masa dari 1878 sehingga 2021 merupakan skop yang sesuai dalam kajian penilaian penulisan sejarah daerah Larut.

Sungguhpun skop masa ini dilihat agak panjang namun perlu dinyatakan bahawa penulisan yang membincangkan sejarah dengan berlatarkan daerah Larut secara khusus agak sukar untuk ditemui oleh pengkaji disebabkan bilangannya yang agak terhad. Oleh sebab itu, pengkaji memuatkan penulisan dalam jangka masa tersebut walaupun terlihat seolah wujudnya tahun pemisah yang panjang namun ianya tetap disusun secara kronologi pada bahagian khusus yang membincangkan perkembangan penulisan sejarah daerah ini. Hal ini bertujuan agar dapat memudahkan pemahaman terhadap perkembangan penulisan sejarah daerah Larut secara umum terutamanya dari segi fokus kajian yang diketengahkan. Tujuan pemilihan skop masa dan tempat ini adalah bagi memperlihatkan perkaitan kedua perkara tersebut terhadap kajian perkembangan penulisan sejarah yang dilakukan. Hal ini bertitik tolak daripada perkembangan disiplin ilmu ini yang turut memberikan pengaruh terhadap aspek historiografi baik di peringkat sarjana tempatan mahupun sarjana Barat. Oleh sebab itu, skop masa dan tempat yang telah ditetapkan oleh pengkaji sememangnya



wajar dalam kajian yang memfokuskan kepada perkembangan penulisan sejarah daerah Larut yang berkembang sepanjang tempoh tersebut.

Selain itu, dari segi cara pemilihan dalam menentukan karya penulisan yang sesuai untuk dijadikan rujukan utama dalam kajian berbentuk penilaian perkembangan penulisan sejarah ini tidak hanya tertumpu semata-mata kepada buku sahaja tetapi turut merujuk hasil penulisan yang dihasilkan oleh sarjana atau ahli sejarah melalui kertas persidangan, artikel atau bab dalam buku yang memberikan tumpuan kepada sejarah daerah Larut. Hal ini bertujuan bagi mengurangkan kebarangkalian hasil penulisan berkaitan dengan skop kajian ini tercicir atau terlepas pandang. Selain itu, penulisan yang memerihalkan sejarah Perak dan Malaysia juga dimasukkan sekiranya ia memberikan fokus kepada sejarah daerah Larut. Dengan kata lain, karya penulisan yang menyentuh sejarah daerah ini akan dimasukkan meskipun ianya hanya diletakkan pada bahagian tertentu dalam perbincangan yang mencakupi skop yang lebih besar.

Tambahan pula, pemilihan hasil penulisan ini turut mengambil kira latar belakang penulis atau sarjana yang menghasilkan penulisan sejarah daerah tersebut. Bagi karya penulisan kurun ke-20 dan kurun ke-21 hanya menetapkan karya penulisan yang dihasilkan oleh para ahli sejarah dan sarjana yang mempunyai bidang kepakaran yang berkaitan dengan bidang sejarah sahaja. Manakala bagi karya penulisan yang dihasilkan pada kurun ke-19 hanya memberikan fokus kepada hasil penulisan para pegawai British sahaja. Meskipun para pegawai British ini bukanlah terdiri dalam kalangan ahli sejarah atau sarjana yang mempunyai kepakaran dalam bidang ini namun ianya diambil kira disebabkan



para pegawai British ini menghasilkan karya penulisan atau catatan yang merupakan satu bentuk keterangan saksi mata yang dizahirkan di dalam bentuk tulisan. Kegiatan menulis dalam kalangan pegawai British ini kebanyakan di dorong oleh minat mereka terhadap ‘British Malaya’ atau dalam lingkungan kawasan mereka ditempatkan untuk bertugas sama ada dalam aspek sejarah, ekonomi, kebudayaan masyarakat atau alam sekitarnya. Dari segi pemilihan karya penulisan pegawai British ini hanya memfokuskan kepada penulisan yang mengambil skop tempat daerah Larut. Maka, jelaslah bahawa penetapan kriteria pemilihan karya penulisan yang dijadikan sumber utama di dalam memaparkan perkembangan historiografi daerah ini telah diperincikan berserta dengan justifikasi yang relevan.

Secara keseluruhannya, berdasarkan daripada perkara ini jelas telah diperincikan berkenaan pemilihan dan penetapan skop kajian yang merangkumi skop masa serta skop tempat. Sehubungan dengan itu, pemilihan sumber rujukan utama yang digunakan dalam penilaian dan analisis yang dilakukan adalah tertakluk mengikut skop kajian yang telah ditetapkan. Ringkasnya, skop kajian ini diletakkan kepada karya penulisan sejarah yang memerihalkan daerah Larut sejak kurun ke-19 sehinggalah kontemporari ini berpandukan karya pegawai British, sarjana Barat dan sarjana tempatan.

1.7 Metodologi Kajian

Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif. Kaedah ini digunakan bagi memahami dan menjelaskan perkembangan penulisan sejarah daerah



Larut. Malah ia juga digunakan dengan memberikan tumpuan kepada perspektif dan pandangan para penulis. Dari segi pengumpulan data dan sumber berdasarkan kaedah ini adalah melalui pengumpulan karya penulisan sejarah daerah Larut yang dihasilkan oleh para pegawai British, sarjana Barat dan sarjana tempatan sebagai sumber dan data utama kajian yang kemudiannya dianalisis dan dinilai secara kritis. Pemilihan karya penulisan adalah berdasarkan latar belakang penulis tersebut misalnya penulisan para sarjana Barat dan sarjana tempatan lebih diutamakan manakala bagi kelompok pegawai British hanya memfokuskan skop tempat yang diperihalkan di dalam karya mereka. Sumber kajian ini diperolehi melalui kaedah kepustakaan dan kaedah capaian internet. Misalnya, melalui perpustakaan Tuanku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perpustakaan Utama dan Perpustakaan Za'Ba di Universiti Malaya (UM). Manakala, kaedah capaian internet digunakan bagi mendapat sumber atas talian seperti melalui laman web rasmi jurnal artikel dan bahan rujukan yang berbentuk buku elektronik.



Sehubungan dengan itu, kaedah kualitatif sejarah yang memerlukan pemerolehan dokumen rasmi kerajaan daripada jabatan Arkib Negara Malaysia turut digunapakai sebagai maklumat tambahan. Perkara ini juga dapat digunakan sebagai rujukan silang antara sumber utama iaitu hasil penulisan para sarjana dan pegawai kolonial dengan dokumen rasmi. Dokumen dirujuk dan dinilai bagi memastikan sumber yang digunapakai di dalam penulisan oleh ketiga-tiga kelompok yang melakukan penulisan pensejarahan Larut adalah relevan. Misalnya, dokumen daripada Colonial Office seperti CO574 Federated Malay States Government Gazette dan beberapa lagi dokumen lain yang dapat dikenalpasti. Laporan tahunan dari kerajaan turut digunakan seperti Annual Report





for the Perak for the year 1877 (Straits Settlement Government Gazette 1878) dan beberapa siri laporan kerajaan daripada Perak Government Gazette. Rujukan terhadap akhbar yang digunakan oleh sarjana di dalam penulisan mereka turut akan dirujuk seperti Pinang Gazette and Straits Chronicle, Malay Mail, Times of Malaya, Malay Pioneer, Malaya Tribune, Berita Harian, Warta Perak dan beberapa lagi akhbar lain. Sumber-sumber tersebut akan diperolehi di Arkib Negara Malaysia (Cawangan Ibu Pejabat Kuala Lumpur), manakala bagi sumber kedua pula diperolehi di perpustakaan seperti UPSI dan UM serta melalui capaian internet seperti laman rasmi penerbit jurnal. Penggunaan sumber sekunder yang bersesuaian dengan tema kajian yang terdapat di dalam buku, jurnal, tesis, disertasi dan bab dalam buku turut digunakan. Penggunaan kaedah ini adalah memastikan kajian ini dapat membentuk hasil yang menyeluruh dalam melakukan penilaian yang kritikal terhadap perspektif para penulis di dalam karya penulisan mereka yang memaparkan sejarah daerah Larut.



Sehubungan dengan itu, kaedah analisis data yang digunakan di dalam kajian ini adalah melalui kaedah analisis bandingan dan analisis tekstual. Kaedah ini digunakan bagi memastikan analisis karya penulisan dapat difahami dan dijelaskan dengan terperinci. Secara khususnya, kaedah analisis bandingan ini dilakukan bagi menunjukkan perkembangan penulisan sejarah daerah Larut. Hal ini demikian kerana melalui analisis bandingan ini dapat menonjolkan ciri keunikan yang terdapat pada suatu bentuk penulisan atau kajian.⁷⁸ Perkara ini secara langsung dapat menonjolkan ciri utama yang dimiliki oleh ketiga-tiga kelompok penulis sejarah daerah Larut. Maka, kaedah ini tentunya dapat

⁷⁸ A. A. van den Braembussche, "Historical Explanation and Comparative Method: Towards a Theory of the History of Society," *History and Theory* 28, no. 1 (1989): hlm. 10.





memperlihatkan perbezaan ciri yang dimiliki oleh penulisan sejarah daerah Larut melalui analisis perbandingan yang dilakukan antara kelompok penulis.

Manakala analisis tekstual pula, digunakan bagi menganalisis pentafsiran yang terdapat di dalam penulisan sejarah daerah Larut. Hal ini dilihat sesuai untuk digunakan kerana melalui analisis tekstual ini pengkaji dapat mengenalpasti makna tersirat, corak atau trend tersembunyi, andaian dan penghapusan sesuatu aspek di dalam teks.⁷⁹ Keperluan perkara ini secara tidak langsung dapat melihat pengaruh elemen subjektiviti dengan lebih mendalam berdasarkan pentafsiran di dalam karya penulisan para penulis sejarah daerah Larut. Maka, jelas bahawa kaedah ini merupakan kaedah yang penting dalam membentuk hasil kajian yang lebih kritis.



Oleh itu, jelaslah bahawa kaedah pemerolehan sumber adalah melalui kaedah kualitatif sejarah yang digunakan adalah bagi tujuan untuk mendapatkan, menilai dan menganalisis sumber rujukan utama yang terdiri daripada karya penulisan sejarah daerah Larut serta dilengkapi dengan rujukan silang antara sumber primer dan sekunder yang lazimnya digunakan di dalam kajian sejarah bagi memastikan kesahihan fakta dan penjelasan yang lebih lengkap. Manakala, bagi kaedah analisis data yang digunakan di dalam penulisan kajian ini adalah lebih kepada kaedah analisis bandingan dan analisis tekstual terhadap penulisan historiografi daerah Larut. Oleh itu, jelaslah bahawa kedua-dua bahagian kaedah ini iaitu kaedah pemerolehan sumber dan kaedah analisis data yang

⁷⁹ Elfriede Fürsich, "In Defense of Textual Analysis: Restoring A Challenged Method for Journalism and Media Studies," *Journalism Studies* 10, no. 2 (2009): 238-252.





digunakan adalah wajar dan bersesuaian untuk kajian berbentuk penilaian terhadap perkembangan penulisan sejarah daerah Larut.

1.8 Pembahagian Bab

Kajian ini secara umumnya dipecahkan kepada enam bab utama. Bahagian pertama atau bab yang pertama menampilkan kertas cadangan penyelidikan pengkaji. Bahagian ini terdiri daripada maklumat berkaitan kajian yang dilakukan seperti latar belakang kajian, tinjauan literatur, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, metodologi kajian, pembahagian bab dan kepentingan kajian. Fokus utama bab ini adalah untuk menerangkan kerangka kajian dalam konteks yang lebih ringkas dan berfokus serta menyetengahkan isu atau kelompangan yang telah dikenalpasti. Malah bahagian ini juga akan memberikan justifikasi terhadap kajian yang dilakukan bagi memastikan ianya bukan sahaja dapat memberikan perkembangan dalam bidang historiografi malah dapat mempertingkatkan korpus ilmu khususnya dalam disiplin ilmu sejarah. Secara ringkasnya, bab pertama ini bertujuan untuk menggariskan perkara yang menjadi asas utama kepada kajian penilaian penulisan sejarah daerah Larut.

Seterusnya, bab kedua memberikan fokus perbincangan kepada perkembangan penulisan sejarah daerah Larut. Perbincangan pada bahagian ini menyentuh secara ringkas mengenai takrifan istilah sejarah dan pensejarahan, perkembangan sejarah dan penulisan sejarah Malaysia, perkembangan penulisan sejarah Perak bagi memperlihatkan





perkaitannya dengan perkembangan penulisan sejarah daerah Larut. Kemudian, bahagian ini juga memperlihatkan perkaitan penulisan sejarah daerah Larut dengan penulisan sejarah Malaysia secara umum. Ianya bertujuan untuk memperlihatkan perkembangan penulisan sejarah daerah Larut sama ada ia berjalan selari dengan perkembangan penulisan sejarah Malaysia atau sebaliknya. Bab ini juga memperlihatkan fasa perkembangan di dalam penulisan sejarah daerah Larut berdasarkan ciri dan bentuk penulisan mengikut garis masa ianya dihasilkan. Tumpuan kajian di dalam penulisan ketiga-tiga kelompok turut digariskan bagi menonjolkan keunikan yang dimiliki dalam penulisan karya sejarah mereka.

Di samping itu, fokus perbincangan pada bab ketiga adalah membandingkan pemilihan tema yang menjadi tumpuan di dalam penulisan sejarah daerah Larut. Bahagian ini turut memperincikan mengenai tema utama yang dijadikan fokus di dalam karya penulisan yang dirujuk. Pemilihan tema politik seperti kolonialisme yang sering menjadi tumpuan oleh pegawai British dan sarjana Barat manakala sarjana tempatan memberikan tumpuan sejarah Larut dari pelbagai sudut. Bahagian ini juga menonjolkan tema-tema yang kurang diperlihatkan di dalam historiografi daerah ini seperti tema biografi dan sosioekonomi. Sehubungan dengan itu, perbincangan di bahagian ini turut memberikan justifikasi dan penilaian terhadap pemilihan tema yang ditetapkan oleh para penulis sejarah daerah ini. Bahagian ini secara ringkas menjelaskan berkenaan tema yang umumnya menjadi fokus di dalam penulisan sejarah sebelum memperincikan berkenaan tema yang menjadi pilihan para penulis bagi memerihalkan sejarah daerah Larut. Pada akhirnya, bahagian ini dapat menunjukkan sejauhmana pemilihan tema di dalam penulisan sejarah





daerah ini menjadi penanda aras dalam melihat perkembangan penulisan sejarah daerah Larut sejak dari tahun 1878 sehinggalah 2021.

Selain itu, analisis berkenaan penggunaan sumber penulisan sejarah Larut diteliti pada bab keempat. Penjelasan terhadap jenis-jenis sumber di dalam sejarah disentuh secara ringkas sebelum perbincangan difokuskan kepada skop utama kajian iaitu analisis penggunaan sumber berdasarkan karya penulisan sejarah oleh ketiga-tiga kelompok penulis. Perbincangan berkaitan dengan penulisan sejarah daerah Larut memberikan tumpuan kepada sumber yang digunakan oleh para penulis dalam menghasilkan karya penulisan mereka. Hal ini bagi memastikan sejauhmana penulisan mereka dapat diyakini sebagai sebuah hasil penulisan sejarah yang objektif termasuklah dari segi teknikal misalnya seperti penggunaan nota kaki, pernyataan ringkas atau penjelasan secara sepintas lalu berkenaan sumber rujukan yang digunakan dalam penghasilan penulisan tersebut.

Analisis pada bab ini turut dilakukan dengan merujuk kepada beberapa sumber yang digunakan oleh para penulis dan rujukan silang turut dilakukan dengan sumber-sumber yang berkaitan bagi mendapatkan kepastian terhadap perkara yang berkemungkinan menimbulkan kekeliruan atau memerlukan penjelasan yang lebih terperinci. Justeru itu, sumber yang dirujuk turut dianalisis dari segi penggunaan di dalam penulisan yang dihasilkan. Misalnya, sumber digunakan bagi memperkukuh naratif penulis sebelumnya, menjadi pelengkap kepada kaedah naratif-deskriptif atau sebagai sumber yang memerlukan analisis yang lebih mendalam bagi menjustifikasikan pandangan penulis. Pekara ini akan ditunjukkan melalui petikan terhadap sumber yang dipetik di dalam penulisan para penulis. Analisis yang dilakukan pada bab ini juga bertujuan bagi





memperlihatkan bahawasanya perkembangan penulisan sejarah daerah Larut juga dapat dipengaruhi oleh aspek pemilihan dan penggunaan sumber yang telah ditetapkan oleh para penulis mengikut tumpuan kajian yang mereka. Maka, jelaslah bahawa bahagian ini akan memberikan tumpuan kepada analisis yang mendalam terhadap penggunaan sumber di dalam penulisan sejarah daerah Larut bagi menjustifikasikan penggunaannya sekali gus menonjolkan pengaruhnya terhadap perkembangan historiografi daerah ini.

Tambahan pula, bab kelima memberikan tumpuan perbincangan kepada penilaian tafsiran karya para sarjana dan pegawai kolonial. Penilaian dilakukan dengan memasukkan unsur-unsur kritikan dan perbandingan berdasarkan pentafsiran karya pensejarahan yang memperihalkan sejarah daerah ini. Secara khususnya, bahagian ini menggariskan aspek atau elemen yang memberikan pengaruh terhadap pentafsiran yang diperlihatkan di dalam karya para penulis. Sehubungan dengan itu, bahagian ini juga menampilkan pengaruh yang tersirat di dalam penulisan berdasarkan nilai dan ciri keunikan yang tersendiri terutamanya berkaitan dengan aspek budaya, pemikiran, paradigma, persepsi, ideologi dan perkembangan disiplin ilmu sejarah yang membentuk perspektif para penulis ini di dalam karya mereka. Misalnya, pengaruh yang ditampilkan di dalam penulisan pegawai British, sarjana Barat dan sarjana tempatan. Perkara ini dilihat penting kerana ianya dapat memperlihatkan hubungkait antara aspek yang dinyatakan terhadap pentafsiran sejarah yang diperlihatkan di dalam karya sejarah yang dihasilkan. Oleh itu, jelaslah bahawa bahagian ini akan menunjukkan sejauhmana pengaruh daripada aspek seperti kebudayaan, pemikiran, ideologi, perkembangan disiplin ilmu sejarah dan lain-lain telah memainkan peranan yang besar dalam mengembangkan disiplin ilmu sejarah khususnya dalam bentuk





penulisan sejarah dan secara spesifiknya ke atas perkembangan penulisan sejarah daerah Larut yang telah dihasilkan sejak tahun 1878 sehinggalah tahun 2021.

Akhir sekali, bahagian keenam merumuskan kesimpulan yang diperolehi daripada penyelidikan ini. Bahagian ini turut memperlihatkan sejauhmana objektif yang telah ditetapkan dapat dicapai sepenuhnya atau sebaliknya. Pada bahagian ini juga turut memasukkan perkara yang dilihat perlu diberikan penekanan di dalam aspek perkembangan penulisan ini. Terutamanya dalam konteks perkembangan penulisan yang mempunyai skop yang lebih kecil iaitu daerah Larut. Selain itu, bab ini juga memasukkan cadangan bagi kajian yang dapat dijalankan pada masa akan datang dan menyatakan sumbangan yang diharapkan daripada kajian ini terhadap perkembangan disiplin ilmu sejarah dalam bidang kajian historiografi. Ringkasnya bahagian ini merumuskan kajian sebagai sebahagian daripada kajian yang dapat memberikan sumbangan terhadap perkembangan historiografi Malaysia dan daerah Larut secara khususnya.

1.9 Definisi Operasional

Bahagian ini akan membincangkan beberapa istilah dan terma yang spesifik di dalam disiplin ilmu sejarah. Antaranya istilah seperti empirikal dan empirisis, objektivis, positivis, *Annales*, pasca-modenis, pasca-kolonial, *reconstructionist* serta *constructionist*. Kesemua istilah dan terma tersebut digunakan pada bahagian-bahagian tertentu bagi kajian ini. Perincian ringkas ke atas istilah tersebut adalah bertujuan untuk memberikan



pemahaman terhadap penggunaannya di dalam perbincangan yang diketengahkan. Lebih-lebih lagi, istilah tersebut tidak dapat dipisahkan di dalam kajian yang berbentuk perkembangan penulisan sejarah. Oleh itu, jelaslah bahawa penerangan ringkas terhadap istilah atau terma ini adalah wajar bagi meningkatkan pemahaman terhadap fokus kajian.

1.9.1. Empirikal dan Empirisis (*Empirical and Empiricist*)

Empirikal merujuk kepada teori pengetahuan yang diperoleh melalui sumber pancaindera.⁸⁰ Melalui takrifan umum daripada kamus *Merriam-Webster* menyatakan bahawa empirikal ini merujuk kepada sesuatu yang berasaskan kepada pemerhatian atau pengalaman tanpa bergantung kepada teori.⁸¹ Manakala, menurut Hempel empirisisme adalah sesuatu pengetahuan atau pernyataan hanya dapat memberi makna sekiranya ia boleh diuji melalui pengalaman deria dan bukannya berpandukan logik atau andaian.⁸² Istilah empirisisme pula, merujuk kepada golongan yang berpegang kuat dengan kaedah empirikal sebagai epistemologi atau sumber atau kaedah memperolehi pengetahuan. Istilah empirikal atau empirisis ini merupakan salah satu daripada pendekatan yang digunakan di dalam penulisan sejarah khususnya oleh aliran empirisis. Antara pendukung aliran ini seperti John Locke, David Hume, Giambattista Vico dan beberapa individu lain lagi.⁸³ Maka, penggunaan kedua istilah tersebut dalam kajian ini adalah merujuk kepada takrifan

⁸⁰ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pengantar Ilmu Sejarah*, hlm. 160.

⁸¹ *Merriam-Webster.com Dictionary*, s. v. "empirical," Merriam-Webster, diakses pada 25 Ogos 2025, <https://www.merriam-webster.com/dictionary/empirical>.

⁸² Carl G. Hempel, "Problems and Changes in the Empiricist Criterion of Meaning," *Revue Internationale de Philosophie* 4, no. 11 (1950): 42.

⁸³ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pengantar Ilmu Sejarah*, hlm. 11.



pemerolehan sesuatu pengetahuan hanya dapat disandarkan kepada bukti-bukti empirik seperti pemerhatian dan cerapan daripada pancaindera.

1.9.2. Objektivis (*Objectivist*)

Istilah *objectivist* atau objektivis merujuk kepada kepercayaan epistemologi terhadap pendekatan dan kaedah yang objektif dalam sejarah. Sebelum memberikan perincian kepada istilah tersebut, wajarlah untuk ditinjau istilah objektif yang merupakan kata dasar istilah tersebut secara umum. Mengikut definisi *Collins Dictionary*, istilah objektif merujuk kepada sesuatu yang tidak diganggu oleh emosi atau bias peribadi, berkenaan dengan fenomena yang nyata serta luaran yang berlawanan dengan aspek fikiran, perasaan dan sebagainya.⁸⁴ Dengan kata lain, ia sesuatu yang bersifat tidak memihak kepada suatu aspek yang berkaitan dengan keperibadian. Manakala, istilah objektivis dalam konteks disiplin ilmu sejarah dapatlah dirujuk daripada pandangan Muhd Yusof Ibrahim yang menyebutkan bahawa aliran objektivis ini adalah kelompok yang mendukung matlamat kajian sejarah untuk memaparkan sesuatu peristiwa dengan sebenar-benarnya.⁸⁵ Dengan kata lain, ianya dihasilkan bagi memaparkan situasi sebenar sesuatu peristiwa tanpa pengaruh dari aspek-aspek yang melibatkan keperibadian pengkaji. Seterusnya, kemunculan kelompok ini menurut Abdul Rahman Haji Abdullah adalah bertitik tolak

⁸⁴ Disebutkan sebagai “undistorted by emotion or personal bias,” dan “of or relating to actual and external phenomena as opposed to thoughts, feelings, etc.” Lihat *Collins English Dictionary*, s. v. “objective,” HarperCollins Publishers, diakses pada 25 Ogos 2025, <https://www.collinsdictionary.com/dictionary/english/objective>

⁸⁵ Muhd Yusof Ibrahim, *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian, Kaedah dan Pensejarahan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016), hlm. 255





daripada pendekatan empirisisme John Locke dan positivisme Auguste Comte yang melihat kewujudan garis pemisah mutlak antara objek dan subjek sehingga melahirkan aliran yang memperjuangkan sejarah objektif seperti aliran Ranke dengan matlamat untuk menggambarkan sesuatu kejadian seperti sebenar-benarnya berlaku dan membiarkan fakta bercakap dengan sendirinya tanpa campur tangan daripada ahli sejarah.⁸⁶ Aliran ini dikatakan berkeyakinan untuk memperoleh fakta-fakta sejarah yang muktamad seperti mana aliran sains tabii yang dapat menghasilkan keputusan yang berbentuk saintifik dan objektif.⁸⁷ Dengan kata lain, kelompok ini menganggap kebenaran sejarah sebagai sesuatu kebenaran yang mutlak serta tepat dengan menyesuaikan dengan konsep ilmu pasti yakni sains.⁸⁸ Oleh sebab itu, istilah ini akan digunakan dalam perbincangan bagi merujuk kepada tafsiran sejarah yang bersifat adil, jujur, tidak memihak dan berat sebelah.⁸⁹



1.9.3. Positivis (*Positivist*)

Istilah positivis merupakan fahaman yang dipopularkan oleh August Comte dan Saint-Simon. Istilah positivisme itu merujuk kepada anggapan bahawa sesuatu yang bererti hanya dapat dibuktikan secara empirik dan saintifik.⁹⁰ Pendekatan aliran ini adalah bersifat saintifik tentang sejarah dan masyarakat melalui penekanan kaedah seperti pemerhatian,

⁸⁶ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pengantar Ilmu Sejarah*, hlm. 106.

⁸⁷ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pengantar Ilmu Sejarah*, hlm. 106.

⁸⁸ Muhd Yusof Ibrahim, *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian, Kaedah dan Pensejarahan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016), hlm. 252.

⁸⁹ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pengantar Ilmu Sejarah*, hlm. 113.

⁹⁰ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pengantar Ilmu Sejarah*, hlm. 162.



percubaan dan perbandingan.⁹¹ Aliran ini melihat sejarah tertakhluk kepada hukum-hukum am seperti mana fenomena alam semula jadi dan tanggungjawab ahli sejarah adalah untuk mendedahkan hukum am tersebut sebagai penggerak kepada tindak tanduk manusia.⁹² Perkara tersebut dapat diperjelaskan melalui asas pemikiran ini iaitu melalui pandangan Comte yang melihat sejarah perkembangan masyarakat kepada tiga peringkat iaitu peringkat teologi, metafizika dan positif malah ketiga peringkat ini dilihat sebagai sebuah hukum atau *law* dalam pemikiran ini.⁹³ Hasil kajian melalui fahaman ini sebagai penanda kepada tahap pencapaian manusia yang paling sempurna iaitu zaman saintifik.⁹⁴ Istilah positif merujuk kepada peringkat terakhir perkembangan manusia yang keluar daripada konsep dan kepercayaan tahyul seperti agama dan metafizik melalui kaedah saintifik.⁹⁵ Idea positivisme yang didukung oleh kelompok positivis ini meletakkan pengetahuan yang diperoleh mestilah bebas daripada pengaruh nilai bagi mengiktirafnya sebagai suatu yang objektif.⁹⁶ Ringkasnya, aliran positivis melihat hasil kajian sejarah sebagai sesuatu yang saintifik dan analisis serta kesimpulannya merupakan kebenarannya yang bersifat objektif sepenuhnya.⁹⁷ Malah matlamat aliran ini dalam bidang sejarah dapat dikaitkan dengan matlamat untuk merungkai hukum am seperti lazimnya yang terdapat dalam bidang sains tabii. Ringkasnya, idea utama yang dibawa oleh aliran positivisme adalah untuk mewujudkan kebenaran yang bersifat sahih, mutlak dan saintifik.⁹⁸

⁹¹ R. Suntharalingam, *Pensejarahan Barat*, hlm. 178.

⁹² R. Suntharalingam, *Pensejarahan Barat* (Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1993), hlm. 177

⁹³ Arthur Marwick, *The New Nature of History: Knowledge, Evidence, Language* (Hampshire: Palgrave, 2001), hlm. 70; Muhd Yusof Ibrahim, *Ilmu Sejarah*, hlm. 114.

⁹⁴ R. Suntharalingam, *Pensejarahan Barat*, hlm. 178.

⁹⁵ Muhd Yusof Ibrahim, *Ilmu Sejarah*, hlm. 95.

⁹⁶ Lionel Rubinoff, "Historicity and Objectivity," in *Objectivity, Method and Point of View: Essay in the Philosophy of History*, ed. W. J. Van Der Dussen & Lionel Rubinoff (Leiden: E. J. Brill, 1991), hlm. 136.

⁹⁷ Muhd Yusof Ibrahim, *Ilmu Sejarah*, hlm. 27.

⁹⁸ Muhd Yusof Ibrahim, *Ilmu Sejarah*, hlm. 283.



1.9.4. *Annales*

Istilah *Annales* sebenarnya merujuk kepada jurnal akademik sejarah yang diterbitkan pada tahun 1946 dengan nama *Annales: Economics, Societes, Civilisations*. Dari segi bentuknya sebagai sebuah aliran pemikiran, ianya digerakkan oleh Marc Bloch dan Lucien Febvre dengan meletakkan asas penyelidikan kepada sains sosial.⁹⁹ Aliran ini memberikan pendekatan baharu ke dalam disiplin ilmu sejarah seperti *geo-history*, *total-history* dan *long-duree*.¹⁰⁰ Bahkan ia juga merangkumi sejarah mentaliti/pemikiran, sejarah sosial, sejarah dari bawah, sejarah persekitaran/alam sekitar dan bidang sejarah lain yang bebas daripada kekangan sejarah aliran positivis pada kurun ke-19.¹⁰¹ Dari segi cirinya, aliran ini memperlihatkan pendekatannya yang lebih mendalam serta memperluaskan fokus peristiwa sejarah kepada kajian berbentuk struktur-struktur yang lebih mendasar.¹⁰² Perkara tersebut dapatlah dikaitkan dengan struktur-struktur seperti sosial, ekonomi, geografi dan jangka masa yang panjang (*long duree*). Jelaslah bahawa aliran *Annales* ini merupakan salah satu aliran pemikiran dalam bidang ilmu sejarah yang menjangkau ruang lingkup, kaedah dan pendekatan yang lebih luas sebagai alternatif bagi aliran pemikiran sebelumnya terutama sekali aliran Rankean.

⁹⁹ Jean-Pierre V. M. Herubel, "The Annales Movement and Its Historiography: A Selective Bibliography," *French Historical Studies* 18, no. 1 (1993): hlm. 346.

¹⁰⁰ Cheah Boon Kheng, "New Theories and Challenges in Malaysian History," in *New Perspectives and Research on Malaysian History*, ed. Cheah Boon Kheng, MBRAS Monograph 41 (Kuala Lumpur: MBRAS 2007), hlm. 127.

¹⁰¹ "Leonard Y. Andaya, "Crossing the Borders of Malaysian History," *Malaysian History from Dutch Sources* (Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia, 2004), hlm. 1

¹⁰² W. G. Clarence-Smith, "For Braudel: A Note on the 'Ecole des Annales' and the Historiography of Africa," *History in Africa* 4 (1977): hlm. 275.



1.9.5. *Reconstructionist*

Istilah salah satu *Reconstructionist* ini digunakan oleh Cheah Boon Kheng dalam membincangkan perkembangan sejarah dalam konteks pensejarahan Malaysia. Kelompok *Reconstructionist* ini adalah kelompok yang meletakkan matlamat penghasilan sejarah seperti sebenar-benarnya berlaku. Istilah *Reconstructionist* itu sendiri diambil daripada matlamat untuk *recreating* atau *reconstructioning* peristiwa lepas yang telah berlaku.¹⁰³ Kaedah yang digunakan oleh aliran ini adalah kaedah penulisan deskriptif-naratif-objektif.¹⁰⁴ Kelompok *reconstructionist* ini kebanyakannya terdiri dari kalangan ahli sejarah yang mendukung aliran objektivis khususnya aliran Rankean. Aliran ini bertentangan dengan kelompok *constructionist* yang dilihat tidak selari dengan objektiviti kelompok Rankean. Maka, jelaslah bahawa istilah *reconstructionist* ini merujuk kepada kelompok yang menekankan pendekatan saintifik dan objektif yang lazimnya ditunjukkan oleh aliran Rankean dan positivis.

1.9.6. *Constructionist*

Sebuah aliran pemikiran dalam historiografi moden yang mengetengahkan pendekatan dan teori yang berbeza dalam bidang historiografi moden. Aliran ini menggunakan kaedah

¹⁰³ Cheah Boon Kheng, "New Theories and Challenges in Malaysian History," hlm. 122.

¹⁰⁴ Cheah Boon Kheng, "New Theories and Challenges in Malaysian History," hlm. 121.



naratif-kronologi, statistik, penggunaan model, analisis dan teori daripada sosial sains.¹⁰⁵

Istilah *constructionist* itu merujuk kepada kajian sejarah yang bertujuan untuk *construct* atau *create anew* lapisan tersembunyi dalam sejarah.¹⁰⁶ Kebanyakannya kelompok aliran *constructionist* ini terdiri daripada aliran *Annales*, Marxist, relativis, idealis dan beberapa aliran lain yang menolak konsep sejarah objektif yang sempit yang dikemukakan oleh aliran sebelum khususnya kelompok aliran Rankean. Ringkasnya, istilah ini merujuk kepada kelompok aliran pemikiran yang bermatlamatkan untuk membentuk sebuah gambaran sejarah yang lebih mendalam dengan menggunakan kaedah yang lebih dinamik khususnya melalui pendekatan multi-disiplin.

1.9.7. Pasca-modenis (*Postmodernist*)



Postmodernist atau pasca-modenis merujuk kepada salah satu aliran pemikiran dalam bidang historiografi. Tumpuan aliran pasca-modenis tidak tertumpu kepada penyelidikan saintifik mahupun kepada cara masyarakat mencerna hasil penyelidikan saintifik, tetapi hanya kepada fungsi sains dan maklumat saintifik itu sendiri.¹⁰⁷ Dengan kata lain, ia tidak memberikan fokus utama kepada sifat muktamad sesebuah kebenaran sebaliknya melihat kepada fungsi dan maklumat yang diperolehi hasil daripada penyelidikan sejarah yang saintifik. Pasca-modernisme merupakan idea yang melangkaui bidang linguistik, teori

¹⁰⁵ Cheah Boon Kheng, "New Theories and Challenges in Malaysian History," in *New Perspectives and Research on Malaysian History*, ed. Cheah Boon Kheng, MBRAS Monograph 41 (Kuala Lumpur: MBRAS 2007), hlm. 125.

¹⁰⁶ Cheah Boon Kheng, "New Theories and Challenges in Malaysian History," hlm. 125.

¹⁰⁷ F. R. Ankersmit, "Historiography and Postmodernism," *History and Theory* 28, no. 2 (1989): hlm. 141 (137-153)





kesusasteraan atau antropologi dan ia membawa perubahan dalam pemahaman keintelektualan melalui aliran pemikiran, bentuk penulisan dan pandangan politik yang tidak seragam.¹⁰⁸

1.9.8. Pasca-kolonial (*Postcolonial*)

Postcolonial atau pasca-kolonial merupakan sebuah bidang inter-disiplin yang berakar daripada kajian berbentuk budaya dan kesusasteraan.¹⁰⁹ Idea ini meletakkan bidang kajiannya terhadap kesan berterusan kolonialisme Eropah terhadap masyarakat dan kawasan yang pernah dijajah.¹¹⁰ Istilah ini merujuk kepada sebuah wacana kritikal yang mengetengahkan isu yang muncul daripada hubungan dan kesan kolonialisme yang meliputi jangka masa yang panjang termasuk kontemporari.¹¹¹ Ringkasnya, pasca-kolonial ditakrifkan sebagai amalan wacana yang timbul selepas tamatnya secara rasmi pengalaman sejarah kolonialisme. Ia menekankan bagaimana legasi kolonial terus membentuk cara berfikir, mewakili, dan menulis tentang masyarakat di bahagian dunia yang pernah dijajah, walaupun penjajahan politik telah berakhir.¹¹²

¹⁰⁸ Lihat bahagian nota Patrick Joyce & Catriona Kelly, "History and Post-Modernism," *Past & Present*, no. 133 (1991): hlm. 206.

¹⁰⁹ Luna Vives & Nalini Mohabir, "Postcolonialism," *International Encyclopedia of Human Geography* 10 (2019): hlm. 289. 10.1016/B978-0-08-102295-5.10856-X.

¹¹⁰ Luna Vives & Nalini Mohabir, "Postcolonialism," hlm. 289.

¹¹¹ Ella Shohat, "Notes on the Post-Colonial," *Social Text*, no. 31/32 (1992): hlm. 101

¹¹² Tejumola Olaniyan, "On Post-Colonial Discourse: An Introduction," *Callaloo* 16, no. 4 (1993): hlm. 744-5.





1.10 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, perkembangan penulisan sejarah daerah Larut merupakan sebahagian daripada bidang kajian yang seharusnya dimasukkan ke dalam kajian historiografi Malaysia. Namun demikian, perincian terhadap perkembangan penulisan sejarah daerah ini kurang diteliti disebabkan kebanyakan kajian yang mengkaji berkenaan dengan perkembangan penulisan ini lebih berfokuskan kepada historiografi Malaysia atau historiografi yang lebih kecil seperti penulisan berkaitan sebuah peristiwa sejarah sahaja. Tumpuan kajian historiografi Malaysia bukan sahaja memperjelaskan perkembangan yang berlaku sejak tempoh pra-kolonial sehingga kini malah ianya juga didapati berpotensi untuk mencerakinkan aspek-aspek yang memberikan pengaruh terhadap perkembangan historiografi tersebut. Oleh sebab itu, kajian historiografi dalam skop yang lebih kecil dilihat perlu untuk memahami bagaimana dan mengapa penulisan sejarah daerah Larut berkembang dengan berpandukan kepada karya penulisan sejarah yang telah dihasilkan sejak tahun 1878 sehinggalah tahun 2021. Kajian ini tentunya dapat menyumbang kepada perkembangan disiplin ilmu sejarah khususnya dalam bidang kajian historiografi yang menilai perkembangan penulisan sejarah daripada perspektif yang lebih kecil.

